

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR  
**AKNC**





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERAK)  
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

---

**KETUA PTJ :**

NUR HISHAM BIN IBRAHIM

**KETUA UNIT KUALITI :**

THURAIYA BINTI MOHD

**PENYELARAS :**

NAJMA BINTI AZMAN

**PENULIS :**

1. NAJMA BINTI AZMAN
2. MOHD NASURUDIN BIN HASBULLAH
3. AZRUL BIN BAHALUDDIN
4. JUFIZA BINTI A. WAHAB
5. SUZANAH BINTI ABDULLAH
6. MOHAMAD SHAHIN BIN SHAHDAN
7. KHALIJAH BINTI RAMLI

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pendekatan sistematik melalui transformasional berimpak tinggi oleh Rektor bersama enam ahli Pengurusan Eksekutif dalam merancang, mensasarkan agenda dan melaksanakan pelan tindakan UiTM bersama ketua bahagian, fakulti, jabatan dan unit ke arah mencapai *Globally Renowned University 2025*. Bahagian Hal-Ehwal Akademik (HEA) UiTMCP dipertanggungjawabkan untuk memastikan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di UiTMCP sentiasa terkehadapan dan terserlah di persada global melalui penetapan visi, misi, pelan tindakan strategik (SAP) dan Objektif Kualiti (OK). UiTMCP menerajui dinamisme bumiputera yang tangkas dan profesional bertaraf dunia dan memenuhi aspirasi kompetensi global. Pendekatan kepimpinan instruksional diamalkan bersama nilai murni ESI-iDART, diintegrasikan dengan inovasi kepada warga dalam pembudayaan kerja dan pelunasan tugas yang diamanahkan.

Kepimpinan UiTMCP melaksanakan sistem pengurusan berasaskan pendekatan PDCA iaitu perancangan (*Plan*), pelaksanaan (*Do*), pemantauan (*Check*) dan tindakan penambahbaikan (*Act*). Pendekatan tersebut dilaksanakan secara sistematik, konsisten, berhemah dan profesional. Pelaksanaan pendekatan di peringkat pertama ialah merangka dan menghasilkan pelan tindakan strategik melalui kaedah '*top-down* dan *bottom-up*' yang melibatkan kerjasama Pengurusan Eksekutif (PE) bersama Pihak Tanggungjawab Pelaksana (PTJP). Peringkat kedua, warga UiTMCP diketuai oleh PE dan pelaksana dari Unit/Fakulti/Pusat Pengajian (PTJU) dilibatkan dalam melaksana visi universiti menjadi sebuah universiti unggul yang berteraskan keserjanaan dan kecemerlangan akademia dengan penuh komited.

Kepimpinan UiTMCP memastikan mesyuarat diadakan secara berkala mengikut keperluan. Dengan adanya mesyuarat, segala keputusan, isu dan maklumbalas diterima dan dibincangkan secara dua-hala. Keputusan utama yang telah dibuat oleh pihak pengurusan disalurkan melalui mesyuarat di peringkat yang seterusnya.

Kepimpinan UiTMCP melaksanakan pendekatan dan proses penyebarluasan berasaskan 3 '*thrust strategic*' UiTMCP: i. *Quality Education*, ii. *Global Excellence* iii. *Value-driven Performance* dengan mengaplikasi 3 tujuan utama (i) Hasil Perancangan Strategik dengan tumpuan terhadap keberkesanan perancangan strategik dalam memacu kemampunan PdP (ii) Hasil berasaskan pelanggan dengan tumpuan kepada kepakaran dalam akademia dan (iii) Hasil berasaskan operasi dengan menumpukan kepada pemerksaan kepimpinan dan keserakanan dalam memacu visibiliti. UiTMCP menggalakkan peningkatan ilmu dan kepakaran dalam semua bidang pengurusan profesional, penyelidikan dan penglibatan sosial dengan memberi galakan dan menjalinkan kerjasama strategik bersama industri dan jaringan global dan lawatan penandaarasan ke organisasi luar. Beberapa inisiatif diadakan menyumbang peningkatan kualiti perkhidmatan universiti, memperolehi pengiktirafan seperti menerbitkan penulisan bersama, geran padanan, lantikan Profesor Kehormat, mobiliti pelajar dan akademia. Ini adalah sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025 dan agenda Nasional melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), bersama-sama merealisasikan UiTM ke arah kompetensi global.

Kecekapan kepimpinan UiTMCP ditonjolkan melalui pendekatan pemantauan dan tindakan penambahbaikan. Beberapa platform seperti mesyuarat dan bengkel digunakan untuk perbincangan intervensi dan mitigasi oleh barisan kepimpinan bersama PTJP, dibantu jentera sokongan lain dan dijadikan budaya kerja dalam kalangan warga.

Sejajar dengan bidang tumpuan iaitu PdP, kepimpinan UiTMCP menetapkan agenda dalam perancangan dan pengukuran utama pencapaian ke arah *Global Competence*. Justeru, UiTMCP memfokuskan kepada strategi meningkatkan jaringan global bersama-sama dengan universiti luar dan industri. Akademia memainkan peranan selaku 'duta kecil' UiTMCP melakukan inisiatif pemerksaan PdP. Ketampakan kepimpinan UiTMCP terserlah dengan

perkongsian kepakaran di peringkat glokal dan global. Kepimpinan UiTMCP komited memperkasa PdP dengan pengurusan fasiliti dan teknologi melalui perancangan strategik, peruntukan bajet, penyediaan prasarana, bimbingan, latihan, pemantauan serta penambahbaikan berterusan.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan UiTMCP menetapkan *Globally Renowned University 2025 (GRU2025)* sebagai hala tuju UiTMCP. **Pendekatan kepimpinan transformasional diadaptasi sebagai** komitmen pemimpin dalam mendorong warga UiTMCP secara intelektual untuk bersama-sama menjayakan aspirasi GRU2025 terutamanya dalam paksi PdP. Sejalan dengan komitmen UiTMCP untuk memacu kejayaan dalam memenuhi cetusan transformasional, pelan strategik UiTMCP dibentuk melalui perancangan mampan dengan menggubal visi, misi, pelan tindakan strategik (SAP), Objektif Kualiti (OK) UiTMCP (L1-2a).

**Kaedah Kitaran PDCA** digunakan dalam memacu UiTMCP meningkatkan prestasi organisasi serta warga secara menyeluruh dan berterusan. Pelaksanaan pendekatan peringkat pertama ialah menghasilkan pelan tindakan strategik melibatkan kerjasama PE bersama PTJP. Peringkat kedua penglibatan bersama diketuai oleh PE dan pelaksana dari Unit/Fakulti/Pusat Pengajian serta warga kampus merealisasikan SAP dan OK. Kepimpinan UiTMCP memastikan perkhidmatan memenuhi keperluan pelanggan, penilaian berterusan, peningkatan kepuasan pelanggan dan penilaian risiko.

**Pendekatan instruksional melalui rangkaian tindakan** dilaksanakan dengan tujuan memacu dan meningkatkan kejayaan proses PdP. Pendekatan berorientasikan peningkatan kualiti pedagogi pengajaran akademia, kurikulum, amalan penilaian dan pencapaian akademik pelajar melalui pengurusan kepimpinan program akademik yang mantap. Langkah pragmatik yang diamalkan seperti menghasilkan inovasi Pelan Penggantian Pentadbir Akademik yang bertindak sebagai pelan tindakan perintis kepada pengurusan yang mampan. Latihan diberikan kepada mereka supaya menjadi pemimpin instruksional yang cemerlang dan bertindak sebagai agen perubahan yang memacu kecemerlangan UiTMCP. **Inovasi *Structured Mentoring Programme*** mempamerkan kepimpinan UiTMCP komited memperkasakan PdP melalui *instructional coaching and mentoring* bagi peningkatan kemahiran, kepakaran dan profesionalisme akademia (L1-2b).

**Pembangunan program akademik baharu dan penawaran program akademik** sedia ada menunjukkan kesungguhan kepimpinan UiTMCP memperkasakan PdP. Bagi memastikan program akademik UiTMCP kekal relevan dan berdaya saing, inovasi **Pelan Tindakan Akreditasi Program dan Semakan Kurikulum** dibangunkan. Program akademik UiTMCP **mendapat akreditasi daripada MQA serta badan profesional melalui kerjasama strategik bersama profesional industri** untuk memastikan program akademik UiTMCP relevan dengan keperluan industri dan masyarakat (L1-2c).

Barisan kepimpinan **menyediakan landskap PdP yang kondusif bagi memacu kecemerlangan UiTMCP melalui peruntukan bajet, penyediaan sumber dan fasiliti yang mencukupi Program latihan berinovatif, insentif serta kursus perkembangan profesional kepada akademia** disediakan bagi memastikan mereka mempunyai kompetensi kemahiran dan kecemerlangan bakat.

Kepimpinan UiTMCP mengamalkan **pendekatan keserakanan yang diterjemahkan melalui kolaborasi** dengan institusi, agensi dan industri. UiTMCP menambah baik hubungan dengan pihak luar melalui MoU/MoA/MoC yang dimeterai. Kolaborasi ini mempertingkatkan keserjanaan akademia dengan perkongsian *Subject Matter Expert*, pelantikan tenaga pengajar, pensyarah jemputan, dan program *Professional Talk*. Agenda keserakanan diperkukuh dengan inisiatif ***Borderless Campus dan Academic Code Sharing menerusi CGCT, mobiliti pelajar dengan universiti lain atau industri, program latihan praktikal, projek penyelidikan dan perundingan bersama*** (L1-2d).

Pemeriksaan PdP diperkukuhkan melalui **Pelan Tindakan PdP Inovatif**. Pendekatan pengajaran berasaskan ***Community-Based Learning*** diadaptasikan dengan pembangunan kurikulum *SULAM*. **Pembelajaran berasaskan masalah** dilaksanakan dengan kerjasama komuniti untuk menyelesaikan isu. **Pembelajaran berasaskan pengalaman melalui tema “*Experiential Learning in A Green Environment*”** diterapkan dan dijadikan sebagai sokongan

kepada **Rector's Special Project** di bawah Inisiatif Kampus Hijau. Pelaksanaan projek inovasi hijau seperti sistem pengairan air tasik, *Solar Photovoltaic Panel*, dan *green roof* dijadikan sebagai medan PdP melalui pengalaman pembelajaran sebenar. **Kaedah PdP berteknologi IR4.0 diperkasakan** dengan platform pembelajaran digital dan penyediaan *smart classroom* (L1-2e).

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_K01\\_KB02\\_20231\\_L1-2a Pelan tindakan strategik \(SAP\) dan Objektif Kualiti \(OK\) UiTMCP.pdf](#)
2. [K0017\\_K01\\_KB02\\_20232\\_L1-2b Penubuhan Structured Mentoring Programme.pdf](#)
3. [K0017\\_K01\\_KB02\\_20233\\_L1-2c Akreditasi MQA dan badan professional.pdf](#)
4. [K0017\\_K01\\_KB02\\_20234\\_L1-2d Borderless Campus dan Academic Code Sharing.pdf](#)
5. [K0017\\_K01\\_KB02\\_20235\\_L1-2e Community-Based Learning.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Ketampakan kepemimpinan **transformatif** UiTMCP yang dinamik terserlah melalui perkongsian hala tuju SAP dan OK secara komunikasi sehalu dan dua hala seperti **Amanat Naib Canselor, Amanat Tahun Baru Rektor, Townhall Coffee with Rector, pekeling, mesyuarat, bengkel, taklimat, diari korporat, emel, laman sesawang dan media sosial.**

Kecemerlangan bakat kepemimpinan akademik **instruksional** distimulasi melalui **pencalonan bakat baru seperti pelantikan Ketua Pusat Pengajian, Koordinator Program, Koordinator dan penyelaras**. Ia bermatlamat untuk melahirkan pelapis yang bakal meneruskan wadah kepemimpinan sediaada dengan memberi galakan untuk menghadiri latihan meningkatkan kemahiran, kepemimpinan dan pengurusan. Penubuhan *Structured Mentoring Programme* melalui penerbitan manual oleh kepemimpinan UiTMCP menunjukkan usaha yang holistik untuk mendorong academia baharu memahami Amanah Tugas Pensyarah (ATP) dengan bantuan Mentor yang dilantik.

**Agenda pemerksaan program akademik menjadi tumpuan kepemimpinan UiTMCP dengan penyebarluasan program akademik melalui Misi Akademik, Ekspo Selangkah ke UiTM, promosi bersasar secara fizikal, media dan brosur.** Ketampakan pemantapan program akademik disebarluas melalui pelantikan academia sebagai pakar rujuk NOBLE, AJK semakan kurikulum, penilai *Academic Quality Assurance (AQA)*, auditor, panel *Malaysian Qualification Agency (MQA)* dan badan profesional. Penyebarluasan dilaksanakan melalui pelantikan pemeriksa luar industri dan academia dalam pembangunan akademik dan semakan kurikulum (L1-3a).

**Landskap PdP kondusif diperluaskan melalui penerapan nilai keilmuan berpaksikan teras 'Nilai Perak' menerusi konsep Ihsan Taman Ilmu mencakupi aspek pengajaran, perkongsian ilmu dan hasil penyelidikan kepada masyarakat selaras dengan aspirasi 'Perak Sejahtera 2030'.** Kecemerlangan academia diterjemahkan melalui lensa korporat dan pengiktirafan dalam Anugerah Akademik Universiti (AAU). Pengagihan sumber kewangan, penyediaan ruang dan peralatan PdP dirancang dan dilaksanakan secara konsisten dan sistematik. Agenda memperkasakan PdP melalui penerbitan dan penyelidikan UiTMCP diperluaskan melalui webinar, bengkel penulisan dan penerbitan, insentif pembiayaan penerbitan, permohonan geran penyelidikan dan penganjuran persidangan kebangsaan serta antarabangsa (L1-3b).

**Penyebarluasan keserakanan kerjasama strategik dengan komuniti, industri dan agensi dalam PdP dipacu melalui pameran solo, karya kreatif, pertunjukan fesyen,** visualisasi mural, konferensi, pelantikan pemeriksa luar, pelantikan pensyarah pelawat, penyediaan latihan teknikal dan vokasional (HETVET) kepada komuniti melalui Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK), penyampaian dan penilaian kod SULAM bersama industri/komuniti, jempunan syarahan perdana, juri/penilai, pembangunan garis panduan dan pelantikan rakan industri *Collaborative Group & Collaborative Teaching* (L1-3c). Penubuhan *Research Group (RG)* seperti GreSafe dan *Research Interest Group (RIG)* seperti KUTAI, MaLIV dan DRM merencanakan penyebarluasan keserakanan. Kepimpinan UiTMCP cakna memastikan kelangsungan kerjasama MoU/MoA ini berterusan dengan melantik Koordinator ICAN dan KUHA (L1-3d).

Seiring dengan aspirasi UiTMCP sebagai kampus lestari bertemakan *Experiential Learning in a Green Environment*, penubuhan program baru yang berteraskan pembelajaran persekitaran sejahtera diperkenalkan seperti **Sarjana Sains Senibina Hijau, Sarjana Muda Teknologi Pembinaan dan Diploma Teknologi Geospatial.** Aplikasi teknologi hijau di dalam kampus seperti Sistem Penuaian Air Hujan, SPAT, bumbung hijau, teknologi solar dan diod pemancar cahaya (LED) diperkenalkan secara meluas kepada warga dan komuniti setempat melalui program pemindahan ilmu dan sinergi komunikasi media massa. Usaha memperkasakan PdP

berinovatif bagi meningkatkan kualitas outcomes dalam teknologi. Perolehan Kemampu Digital diperluaskan melalui penubuhan *Hub for Innovative Teaching & Learning* (HITeL) yang menawarkan latihan, bimbingan dan pertandingan inovasi PdP. Pembangunan *Massive Open Online Course* (MOOC) dan penyampaian CGCT disebarluaskan ke peringkat global dan global (L1-3e).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_K01\\_KB03\\_20231\\_L1-3a Penyebarluasan program akademik UiTMCP 2022.pdf](#)
2. [K0017\\_K01\\_KB03\\_20232\\_L1-3b Penyebarluasan PdP melalui webinar, penganjuran persidangan dan penyelidikan UiTMCP 2022.pdf](#)
3. [K0017\\_K01\\_KB03\\_20233\\_L1-3c Keserakanan kerjasama strategik dengan komuniti, industri dan agensi dalam PdP 2022.pdf](#)
4. [K0017\\_K01\\_KB03\\_20234\\_L1-3d Penubuhan Research Group \(RG\) dan Research Interest Group \(RIG\).pdf](#)
5. [K0017\\_K01\\_KB03\\_20235\\_L1-3e Teknologi PdP berinovatif UiTMCP 2022.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kepimpinan UiTMCP menggunakan inisiatif bersasar bagi memastikan pelaksanaan PdP berjalan dengan terancang dan lestari. Pelan pemantauan dan pengurusan PdP dilaksanakan melalui pendekatan 'top-down' dan 'bottom-up', melibatkan warga UiTMCP memastikan program akademik ditawarkan memenuhi aspirasi negara, universiti, industri, dan masyarakat. Agenda ini didokong dengan pelantikan pemimpin berkemampuan iaitu Timbalan Rektor Hal-Ehwal Akademik, Ketua Pusat Pengajian, Koordinator dan Penyelaras program.

Pemantauan pelan strategik tadbir urus tangkas yang diamalkan di UiTMCP dilaksanakan secara berkala dan berterusan dalam memperkasakan PdP melalui kitaran PDCA. Pelan Tindakan SAP dipantau melalui Mesyuarat Eksekutif Negeri, Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik Negeri (JPMSN) empat kali setahun dengan menggunakan sistem UePMO. Pelan Tindakan Objektif Kualiti dipantau melalui Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dua kali setahun dengan menggunakan tata kelola ADLI dan LeTCI. Manakala hasil pencapaian dilaporkan tahap dan tren pencapaian. Log Tindakan Jaminan Kualiti Akademik (JKA) pula dipantau melalui Mesyuarat Jaminan Kualiti, empat kali setahun (L1-4-1a).

Proses pemantauan dan pencapaian setiap penghasilan tindakan PdP diadakan secara berterusan dan berkala setiap semester mengikut kitaran OBE. Pencapaian diukur melalui indikator analisa keputusan peperiksaan, CDL-CQI, pencapaian PLO program, Penilaian Kendiri Program (PSRR), Indeks Daya Saing Program Akademik (IDSPA), semakan kurikulum, penilaian akreditasi program, pemantauan program akademik PU, pemantauan pemeriksa luar industri dan akademik. Bagi menjamin kualiti akademik program ditawarkan, pelaporan pencapaian dibincangkan secara terperinci di beberapa mesyuarat iaitu mesyuarat di peringkat program, fakulti, Jawatankuasa Akademik Pascasiswazah Negeri (JKAPSN), Jawatankuasa Kurikulum Negeri (JKKN), Jaminan Kualiti Akademik (JKA), dan Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN) (L1-4-1b).

Pencapaian kompetensi akademia dipantau di peringkat jabatan melalui *Entrance Exit Survey*, *Students Feedback Online* (SuFO), *ReSUFO*, MyATP. Pelaksanaan Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS), *Teaching Self-Assessment* (TESA) dan *Teaching Effectiveness Index* (TEX). Maklumat yang diperolehi dianalisa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kakitangan Akademik dua kali setahun, Mesyuarat CDL-CQI dua kali setahun, Mesyuarat Ketua Pusat Pengajian dan Koordinator Program dua kali setahun dan Mesyuarat PRO-PENS dua kali setahun (L1-4-1c).

Pemantauan juga dilaksanakan melalui maklum balas kepuasan hati pelanggan terhadap PdP melalui platform eAduan dan Soal-selidik Kepuasan Hati Pelanggan. Maklumat ini diperhalusi dan dibentangkan di MKSP. Setiap pencapaian dikaji semula untuk mengenal pasti punca kegagalan dan penambahbaikan berterusan melalui penelitian log tindakan dan lawatan penandaarasan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20231\\_L1-4-1a Pemantauan Pelan Strategik Tadbir Urus \(UePMO\).pdf](#)
2. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20232\\_L1-4-1b Proses Pemantauan.pdf](#)
3. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20233\\_L1-4-1c Pencapaian Kompetensi Akademia.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Risiko penting untuk memastikan UiTMCP dapat berfungsi dengan efektif dan bereputasi. Kepimpinan UiTMCP komited dalam mengendalikan risiko di peringkat awal dan sepanjang kitar hayatnya untuk mengelak dari kegagalan fungsi dengan menubuhkan Jawatankuasa Pemilik Risiko. Tindakan kawalan risiko dilaksanakan dengan sistematik melalui proses mengenal pasti risiko, jenis risiko (operasi, reputasi, kewangan, perundangan, strategik dan projek), menilai risiko, impak risiko dan mitigasi yang efisien. Disamping itu, kepimpinan UiTMCP memastikan pemegang taruh yang berkaitan dimaklumkan, menyertai dalam tindakan kawalan, mendaftar risiko dan menyediakan pelan halatuju pengurusan risiko yang dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko 2 tahun sekali, MKSP, Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD), dan JPMSN (L1-4-2a). Dalam usaha memastikan segala kemungkinan risiko yang bakal dihadapi oleh UiTMCP dapat ditangani, intipati keseluruhan mesyuarat dikongsi di Mesyuarat Akademik dan menjadi panduan kepada tindakan yang dirancang serta dilaksanakan dalam mewujudkan sistem kerja untuk memastikan kelancaran dan kelestarian PdP.

Pelaksanaan langkah-langkah pengurusan risiko diimplementasikan melalui tindakan pengurusan risiko yang berkesan mencakupi perubahan dalam prosedur, polisi, pekeliling, pelan strategi dan sebagainya. Pemantauan risiko untuk PdP dilakukan oleh pemilik risiko melalui pendaftaran risiko mengikut tahap kritikal untuk mengawal impak ke atas emosi manusia, sosio ekonomi, sosial, fasiliti dan persekitaran. Pemantauan risiko dinilai dan dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan Risiko dan MKSP. Kepimpinan UiTMCP akan mempertimbangkan aspek kawalan persekitaran, hala tuju strategik, sasaran kewangan, pendekatan dan sumber yang berkaitan (L1-4-2b).

Barisan Kepimpinan UiTMCP komited memberi kesedaran kepada warga melalui sinergi media dan komunikasi strategik bagi memastikan semua pihak memahami risiko yang mungkin timbul dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurusnya. Latihan dan simulasi berkala dilaksanakan bagi memastikan keberkesanan menghadapi risiko PdP. Segala risiko yang berlaku, analisa risiko diambil sebagai langkah mitigasi dan intervensi. Pengurusan risiko UiTMCP penting bagi memastikan universiti ini dapat berfungsi dengan efisien, menjaga reputasi dan mewujudkan persekitaran yang sejahtera, selamat dan produktif kepada warga kampus (L1-4-2c).

Pasukan fasiliti bertindak proaktif dengan menilai kondisi fasiliti untuk PdP dan tindakan pencegahan dilakukan secara berterusan bagi mengelakkan tahap kerosakan yang serius, disamping menjamin keselamatan dan kesejahteraan warga kampus, barisan kepimpinan mengambil tindakan segera dalam menangani situasi ketidaktentuan dengan mengeluarkan pekeliling, prosedur, memo, pindaan proses PdP dan penyediaan kemudahan fasiliti pelaksanaan PdP.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20231\\_L1-4-2a Pengurusan Risiko.pdf](#)
2. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20232\\_L1-4-2b Laporan Pencapaian Objektif Kualiti UiTMCP.pdf](#)
3. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20233\\_L1-4-2c Komunikasi Strategik.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 1.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Barisan kepimpinan UiTMCP sentiasa memastikan setiap proses kerja yang ditambahbaik dinilai tahap risikonya melalui kajian semula dan tindakan pembetulan ke arah menggerakkan hasil perancangan strategik, hasil berasaskan pelanggan dan hasil berasaskan operasi.

Platform mengkaji semula pengurusan dilaksanakan melalui saluran mesyuarat tertinggi di UiTMCP yang dipengerusikan oleh Rektor seperti perincian berikut Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) diadakan sebulan sekali, Mesyuarat MKSP diadakan dua kali setahun, JPMSN menganalisa Skor Pencapaian PI i-UiTM diadakan setiap tiga bulan, Mesyuarat Kakitangan Akademik pada setiap semester, dan Mesyuarat MPD diadakan empat kali setahun. Mesyuarat ini dijadualkan secara sistematik dalam takwim setiap awal tahun untuk mengelak pertindihan tarikh dan masa. Log tindakan dan laporan kajian semula keberkesanan sistem kawalan dalaman disediakan untuk dianalisa. Selain penggunaan mesyuarat rasmi, platform seperti emel rasmi UiTM, whatsapp, sistem Saring C19, laman sesawang dan soal selidik kepuasan pelanggan adalah mekanisma yang dilaksanakan kepimpinan bagi memastikan inisiatif berkenaan mendapat maklumbalas daripada seluruh sistem dan warga UiTMCP. Tindakan penambahbaikan juga dilaksanakan berdasarkan tren pencapaian prestasi. Tren pencapaian ini dianalisa bagi mengenal pasti tindakan susulan penambahbaikan. Antara indikator yang disemak berkait dengan PdP adalah 15 SAP, 60 PI dan 34 OK (L1-4-3a).

Laporan penemuan Audit Dalam dan Audit Prosedur juga merupakan platform yang signifikan dalam kajian semula dan tindakan penambahbaikan. Hasil penemuan audit dianalisa dan dibentangkan kepada ketua PTJ. Seterusnya di peringkat PTJ, pihak ini memastikan hasil mesyuarat disampaikan kepada staf supaya tindakan penambahbaikan dapat dilakukan dengan efisien. Ketua PTJ melaporkan hasil penambahbaikan dalam Log Tindakan. Ketua Sistem Audit mengesahkan laporan tersebut dengan bantuan auditor dan membentangkan Laporan Eksekutif dalam Mesyuarat MKSP (L1-4-3b).

Penilaian sendiri dilaksanakan sebagai langkah pragmatik untuk menilai refleksi setiap aduan yang diterima melalui Analisa Aduan dan Maklumbalas Pelanggan dan dibentangkan dalam MKSP. Penganalisaan secara berterusan terhadap aduan dan risiko dilaksanakan dan dikaji semula terutama berkenaan PdP yang berisiko tinggi. Pembelajaran dan peningkatan berterusan diamalkan bagi menyediakan penyampaian perkhidmatan PdP yang cemerlang (L1-4-3c).

Pelan Tindakan Penambahbaikan disediakan merangkumi matlamat, pengukuran pencapaian semasa, langkah-langkah strategik sebagai tindakan penambahbaikan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Selain itu, kepimpinan UiTMCP melaksanakan pembangunan sendiri melalui SWOT analisis, penandaarasan, lawatan kerja, menghadiri latihan dan kursus kepimpinan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20231\\_L1-4-3a\\_Pencapaian\\_Skor\\_PI.pdf](#)
2. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20232\\_L1-4-3b\\_Laporan\\_Penemuan\\_Audit.pdf](#)
3. [K0017\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20233\\_L1-4-3c\\_Pelan\\_Tindakan\\_Penambahbaikan.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan UiTMCP menonjolkan kepakaran dan bakat dalam menerajui inisiatif strategik dan objektif yang ingin dicapai dengan menggunakan **konsep kepemimpinan melalui teladan**. Barisan kepimpinan menggerakkan agenda ini melalui pengagihan petunjuk prestasi kepada peneraju setiap bahagian dengan merangka pelbagai pelan tindakan, penambahbaikan, inovasi, intervensi dan mitigasi memfokuskan kepada teknologi dalam pemeraksanaan PdP bagi memacu pencapaian terhadap petunjuk prestasi dan kecemerlangan universiti di peringkat nasional dan global.

UiTMCP juga menyedari tentang pentingnya lapisan kepimpinan bagi menerajui kampus di masa akan datang. Integrasi **Pelan Penggantian Pentadbir Akademik** yang holistik yang berpaksikan nilai-nilai murni melalui program **i-DART Booster** dan **Go-Glow** dilaksanakan bagi memangkin dan membudayakan inisiatif kenaikan pangkat staf UiTMCP (L1-5-a).

Dalam memastikan hasrat universiti tercapai, kepimpinan UiTMCP membangunkan **Pelan Integrasi Pencapaian Perkhidmatan**. Melalui pelan ini, beberapa inovasi prosedur kerja dibangunkan bagi memantapkan budaya penyampaian perkhidmatan cemerlang seperti Model Pelaksanaan Perancangan Strategik, Objektif Kualiti, Templat Pelaporan MKSP dan Templat Pelaporan Pencapaian PI (L1-5-b).

Perkongsian ilmu diintegrasikan melalui prakarsa inovasi **Go-Visible 2022** bagi membudayakan ketampakan akademia, staf sokongan dan pelajar serta program akademik UiTMCP di peringkat global dan global. Prakarsa ini dapat memberi impak kepada akademia dan pelajar berkemampuan global ke arah GRU2025 (L1-5-c). Dalam memastikan kecemerlangan akademik tercapai, kepimpinan UiTMCP menggalakkan pembangunan karier dan profesionalisme akademia dibudayakan melalui inovasi program **2P-Booster** ke arah mencapai sasaran 30% staf akademik mempunyai PhD dan berdaftar dengan badan profesional dalam dan luar negara.

Kepimpinan UiTMCP membudayakan integrasi pragmatik melalui inovasi program **Neo-Entity** dengan membangun dan menawarkan program akademik baharu yang futuristik, multidisiplin, giat berkembang dan berdaya saing merentasi bidang pengajian yang berteraskan bidang tujuhan dan kepakaran akademia. 13 program akademik *homegrown* antaranya Diploma Teknologi Geospasial, Sarjana Muda (Kepujian) Teknologi Pembinaan, Sarjana Senibina Hijau dan Doktor Falsafah Rekabentuk dan Alam Bina. Dua program akademik baharu dalam proses cadangan penawaran seperti Sarjana Bahasa Analisis Teks dan Sarjana Pengurusan Bencana dan Dayatahan. Kesemua program akademik yang ditawarkan menerapkan elemen SDG (L1-5-d).

Kepimpinan UiTMCP mengintegrasikan budaya **Sinergi Komunikasi Strategik** melalui platform komunikasi media dan media sosial ke arah jenama **Global-Competence 2022** dan **Global Marketable 2023**. Warga UiTMCP juga menjalankan pelbagai aktiviti berbentuk **Corporate Social Responsibility** bersama komuniti melalui keterlibatan akademia membudayakan pemindahan ilmu (L1-5-e).

**Integrasi teknologi dalam pemeraksanaan PdP dibudayakan melalui penggunaan PdP berteknologi** seperti *Unmanned Aerial Vehicle, Infrared Thermography, Geographical Information System, Global Navigation Positioning System, Remote Sensing* dan lain-lain. **Teknologi digital dalam PdP diintegrasikan oleh ULIT dan HITeL** kepada akademia melalui latihan. Penyediaan dan perkongsian PdP tanpa sempadan diintegrasikan melalui pembangunan MOOC contohnya kursus *Building Performance and Simulation* dan *Building Surveying Practice I*. UiTMCP mengiktiraf penggunaan teknologi PdP melalui Anugerah Akademik Universiti secara berterusan. **Perancangan Kampus Pintar – MOOC/Kampus Lestari** juga diperkasakan di kampus UiTMCP. Bagi memastikan program akademik UiTMCP kekal relevan dan berdaya saing, integrasi **Takwim Akreditasi Program dan Semakan Kurikulum** dibudayakan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik. Ia memberi kepercayaan kepada pelanggan untuk menjadikan UiTMCP sebagai pilihan ramai.

Perbagai inisiatif diintegrasikan dari sepuluh inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi 2015-2025) menjadi teras kepada kelestarian hubungan dinamik di antara universiti, kerajaan, industri dan masyarakat melalui **Quadruple Helix Engagement Model**.

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_K01\\_KB05\\_20231\\_L1-5a Pelan Penggantian Pentadbir Akademik.pdf](#)
2. [K0017\\_K01\\_KB05\\_20232\\_L1-5b Pelan Integrasi Pencapaian Perkhidmatan.pdf](#)
3. [K0017\\_K01\\_KB05\\_20233\\_L1-5c Go-Visible 2022.pdf](#)
4. [K0017\\_K01\\_KB05\\_20234\\_L1-5d Neo-Entity.pdf](#)
5. [K0017\\_K01\\_KB05\\_20235\\_L1-5e Corporate Social Responsibility.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan strategik direncanakan secara holistik bagi memacu kecemerlangan dan kelestarian UiTMCP yang didasari oleh **Tiga Teras Strategik UiTM (Pelan Strategik UiTM2025): Quality Education, Global Excellence, dan Value-Driven Performance - ESI-iDART**). Ianya berpaksikan kepada **Hala Tuju Strategik UiTM2025** iaitu **UiTM ke arah Globally Renowned University 2025 (GRU2025)**. Tahun 2022 adalah fasa transisi perubahan terhadap GRU2025 iaitu UiTM ke arah **Globally Competent University**. Perancangan strategik UiTMCP dikoordinasikan oleh seorang **Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU)** sebagai urusetia **Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik Negeri (JPMSN)** yang **dipengerusikan oleh Rektor UiTMCP** dan dianggotai oleh **Pengurusan Eksekutif (PE)** serta **Pihak Tanggungjawab Pelaksana (PTJP)** di peringkat kolej/fakulti/pusat pengajian/unit seperti **Ketua Pusat Pengajian**, dan **ketua-ketua unit** yang dilantik. PSTU turut dibantu oleh seorang urusetia iaitu staf yang dilantik (secara multi-tugas) daripada Pejabat Pentadbiran.

Perencanaan perancangan strategik UiTMCP adalah berasaskan kepada **pendekatan PDCA (Plan: Peringkat Perancangan, Do: Peringkat Pelaksanaan, Check: Peringkat Pemantauan dan Act: Peringkat Tindakan Penambahbaikan)**. Keempat-empat peringkat tersebut dilaksanakan secara tersusun dan bersimbiotik bagi menghasilkan keberhasilan yang optima. Secara ringkasnya, **Peringkat pertama** iaitu **perancangan**, dilaksanakan melalui **pendekatan 'top-down' dan 'bottom-up' secara libat sama Pengurusan Eksekutif bersama PTJP** dalam merangka dan membangunkan Pelan Strategik (Strategic Action Plan-SAP) UiTMCP dan inisiatif/program/projek sokongan di peringkat kolej/fakulti/pusat pengajian/unit. **Peringkat kedua** adalah pelaksanaan terhadap SAP yang melibatkan dua kategori pelaksanaan/pelaksana iaitu **pelaksanaan SAP Dasar (aktiviti) oleh Bahagian Pihak Tanggungjawab Utama (PTJU) yang diketuai oleh Pengurusan Eksekutif sebagai Pengarah Projek dan Pelaksanaan Pelan Tindakan Kecil (Sub-SAP atau tasks) oleh PTJP** dari kolej/Fakulti/Pusat Pengajian/unit yang melibatkan seluruh warga UiTMCP termasuk akademi/staf/pelajar. Warga kampus merupakan tulang belakang kepada pelaksanaan SAP UiTMCP. **Peringkat ketiga** pula adalah **proses pemantauan SAP secara berkala menerusi platform khas iaitu JPMSN yang dikendalikan empat kali setahun, dipengerusikan oleh Rektor UiTMCP**. Selain itu, **pelaksanaan pelan strategik dan pencapaian PI UiTMCP turut dilaporkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD)**. **Peringkat terakhir** adalah **tindakan penambahbaikan susulan daripada input (learning, lesson learned) yang dikenal pasti dari peringkat pemantauan tersebut**. Proses ini melibatkan **tindakan penambahbaikan terhadap pendekatan/strategi/proses pelaksanaan SAP dan pencegahan/pengurusan risiko** ke arah mengoptimumkan potensi UiTMCP ke arah mencapai sasaran PI serta keberhasilan SAP.

**Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)** merupakan **core business** kepada UiTMCP. Tahun 2022, UiTMCP memfokuskan kepada bidang tumpuan **PdP**. Pemfokusan PdP tersebut adalah merupakan 94% (iaitu 15 daripada 16) **SAP** yang mensasarkan **pelanggan utama UiTMCP, iaitu akademi dan pelajar**. SAP turut membangunkan bakat staf pentadbiran, persekitaran kampus yang kondusif dan hijau, dan infrastruktur dan infostruktur yang **menjadi sokongan** kepada kecemerlangan PdP UiTMCP. Pencapaian PdP UiTMCP turut diukur berasaskan kepada **Objektif Kualiti**. Secara keseluruhannya, kaedah perancangan dan pelaksanaannya telah direncanakan secara **unusual business** untuk memastikan **keberhasilan yang berimpak tinggi** seiring dengan aspirasi GRU2025. **Bidang tumpuan PdP** berasaskan **pendekatan PDCA** telah dilaksanakan **secara holistik**. Bahagian seterusnya akan membincangkan perkara ini secara lebih terperinci dengan berasaskan **ADLI (Approach, Deploy, Learning & Integration)**.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan perancangan strategik UiTMCP-ADLI adalah secara **timbang balik** iaitu **'top-down'** dan **'bottom-up'** melalui **libat sama bersasar** antara PE dan PTJP. Ia berlaku dalam semua keadaan khususnya di peringkat merangka dan **membangunkan SAP, Objektif Kualiti (OK)** dan inisiatif/program/projek sokongan di peringkat kolej/fakulti/pusat pengajian/unit.

Pendekatan **'top-down'** adalah satu proses menterjemah dan mengadaptasi aspirasi GRU2025: *Towards a Globally Renowned University in 2025* (berteraskan Visi, Misi dan Nilai UiTM) kepada tata kelola perancangan strategik dan kecemerlangan UiTMCP (L2-2a). Perancangan tersebut bertumpukan **tata kelola governans** dan **pelan strategik yang tersendiri** serta berasaskan **sasaran PI**. Pendekatan **'bottom-up'** pula merupakan **proses** penjaan sinergi/idea PTJP dan warga ke arah merealisasikan strategi perancangan dan pelaksanaan pelan strategik. UiTMCP berhasrat **menjadi penyumbang utama** kepada pencapaian keseluruhan **GRU2025**. Pendekatan secara bersepadu antara **'top-down'** dan **'bottom-up'** ini menghasilkan proses perancangan strategik UiTMCP yang **sistemik** dan **berintegrasi**. **Perkongsian pengetahuan yang strategik** dan elemen inovasi turut diterapkan dalam proses menghasilkan SAP serta pelan strategik UiTMCP. Ianya dilaksanakan melalui **sesi libat sama PTJU dan PTJP** dalam **bengkel perancangan strategik tahunan** (L2-2b). Bengkel tersebut **mengaplikasikan templat inovasi, analisis SWOT, dan semakan semula SAP** sedia ada. Tujuannya adalah untuk membangunkan SAP baharu yang lebih **bersasar kepada PI, berdaya laksana dan berimpak tinggi**. UiTMCP sentiasa komited bagi **menghasilkan SAP yang boleh menjana idea, dinamik dan berupaya membina budaya kerja tangkas**. SAP tersebut bersifat **merentasi kolej/fakulti/pusat pengajian/unit** supaya sinergi baharu antara PE, PTJP dan warga sentiasa terjalin demi kepentingan dan manfaat bersama (L2-2c). Dalam erti yang lain, **SAP** yang dibangunkan adalah **berpaksikan kepakaran dan kompetensi semua warga (bersasar kepada 69 PI)** di peringkat pelaksana utama (kolej/fakulti/pusat pengajian/unit).

UiTMCP meletakkan **agenda PdP** sebagai **core business**. Tahun 2022, **15 daripada 16 SAP** yang dibangunkan adalah **berorientasikan kecemerlangan PdP**, bersasarkan kepada pembinaan bakat, kompetensi dan ketampakan global pelajar dan akademia, dan merealisasikan sasaran PI. Secara spesifik, **daripada jumlah 69 PI, 60 PI (atau 87%) adalah agenda PdP yang bersasar kepada pelanggan utama UiTMCP** iaitu **pelajar dan akademia** (L2-2d) iaitu **13 dari PI BHEA, 12 (BHEP), 6 (MASMED), 14 (RMU), 11 (ICAN/KTU), 3 (Pejabat Pentadbiran) dan 1 (Pejabat Bendahari)**. Selain itu, agenda PdP diperkasakan melalui **pengukuran aktiviti dan pencapaian PdP** berasaskan kepada **34 Objektif Kualiti** (L2-2e). Sebagai contoh, BHEA mengukur pengekalan pengiktirafan program-program akademik UiTMCP oleh badan-badan profesional nasional dan antarabangsa, GOT, CGPA >3.5, dan peningkatan graduan PhD. BHEP pula mengukur graduan dinamik berasaskan kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti kemahiran atau *soft-skills* kepimpinan, SULAM, kesukarelawan dan kebudayaan di peringkat nasional dan antarabangsa. Khusus untuk akademia pula, PJIM&A mengukur kecemerlangan akademia dalam penerbitan dan penyelidikan, pemindahan ilmu dan khidmat komuniti dan tidak ketinggalan aktiviti-aktiviti keusahawanan pelajar daripada bimbingan akademia. Usaha ini turut disokong oleh Pejabat Pentadbiran yang sentiasa melaksana aktiviti-aktiviti memperkasa pembangunan sumber manusia.

Pendekatan ini berupaya **memperkuhkan kecemerlangan PdP UiTMCP** dan sekaligus meningkatkan **kompetensi dan ketampakan UiTMCP dan warganya** di peringkat nasional mahupun global, serta telah **membuka peluang seluas-luasnya** bagi aktiviti **kolaborasi dengan rakan strategik** di seluruh pelusuk dunia yang telah terhubungan tanpa sempadan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_P01\\_PB02\\_20231\\_L2-2a Adaptasi GRU2025 kepada Perancangan Strategik](#)

[UiTMCP.ppt](#)

2. [K0017\\_P01\\_PB02\\_20232\\_L2-2b Bengkel Libat Sama PE, PTJP dan Warga.pdf](#)
3. [K0017\\_P01\\_PB02\\_20233\\_L2-2c SAP Merentasi PTJ-Menjalin Sinergi.pdf](#)
4. [K0017\\_P01\\_PB02\\_20234\\_L2-2d Senarai 60 PI daripada agenda PdP.pdf](#)
5. [K0017\\_P01\\_PB02\\_20235\\_L2-2e Senarai Objektif Kualiti UiTMCP 2022.pdf](#)



## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

16 SAP dibangunkan telah dilaksanakan berasaskan **Model Pelaksanaan Pelan Strategik UiTMCP (Strategic Execution Model 2025@UiTM Perak) 2020-2025** (L2-3a). SAP merupakan pemangkin kepada pencapaian sasaran >85% terhadap sasaran PI 2022 (berasaskan GRU2025) yang seiring dengan aspirasi negara, khususnya **Kementerian Pengajian Tinggi (KTP). Seramai Tujuh PTJU** yang bertanggungjawab membangunkan dan sebagai pemandu utama dalam melaksanakan SAP. **BHEA, BHEP dan MASMED** memegang **PI di bawah Teras Strategik 1 (Quality Education), RMU dan ICAN/KTU (Teras Strategik 2: Global Excellence) dan Pejabat Pentabiran, Pejabat Bendahari dan BPF (Teras Strategik 3: Value-driven Performance)**. Bahagian/unit lain seperti **Perpustakaan, Pejabat Polis Bantuan, Unit Kesihatan dan Pejabat INFOTECH**, turut terlibat sebagai **co-pelaksana** kepada 16 SAP. Bahagian/unit ini melaksanakan inisiatif/program sesuai dengan tanggungjawab hakiki yang diukur dalam **Objektif Kualiti**. Fungsi dan peranan warga ini ditonjolkan secara jelas dalam **Model Pelaksanaan Pelan Strategik@UiTM Perak 2020-2025**.

Sebanyak **15 SAP** menjadi pendorong **keunggulan PdP UiTMCP** (L2-3b) bersama 1 SAP sokongan. **BHEA sebagai PTJU kepada Teras Strategik 1: Quality Education (pelajar)**, melaksanakan tiga SAP untuk memperkukuhkan *globally competent* student iaitu **(1) Go Visible 2022, (2) Neo Entity, dan (3) 2P (PhD dan Profesional) Booster Programme**. Selaku **co-pelaksana** kepada **Teras Strategik 1, BHEP** telah melaksanakan lima SAP yang menghasilkan graduan yang dinamik, holistik dan bersahsiah tinggi, iaitu **(1) Kepimpinan Pelajar Terunggul & Pengantarabangsaan, (2) Creativity, Innovative & Virtuality In Life (CIVIL), (3) Pembangunan Pelajar Holistik, (4) Kebolehpasaran Graduan, dan (5) Kesejahteraan Pelajar** Seterusnya, **MASMED** melengkapkan kemahiran, bakat dan kebolehpasaran pelajar menerusi **Start Up Entrepreneurship (SUE) @ UiTMPrk**. **RMU dan ICAN/KTU** bertanggungjawab melaksanakan dua SAP berpaksikan kepada *Global Excellence* dengan 25 PI (PI akademik) ke arah meningkatkan *globally competent academia* UiTMCP. Dua SAP tersebut adalah **(1) Perak Research Talent Hub (PReTa Hub)** yang dilaksanakan di bawah RMU, dan **(2) Global Partnership Industry, Community & Alumni (GPICA)** oleh ICAN/KTU. **Ipoh International Summit on Professionalism, Research and Education (INSPIREd) 2022** sebagai **projek ikon UiTMCP** (L2-3c) menghubungkan UiTMCP dengan komuniti, industri dan alumni serta rakan strategik penerbitan, penyelidikan dan MoU/MoA di bawah SAP GPICA. Seterusnya, **Teras Strategik 3 (Value-Driven Performance)** merangkumi **tiga PTJU iaitu Pejabat Pentadbiran, Pejabat Bendahari dan BPF**. PTJU ini merupakan sistem sokongan yang **menumpukan kepada pembangunan bakat dan insani akademik, staf sokongan, kelestarian kewangan, persekitaran kampus, ruang akademik, fasiliti/prasarana dan infostuktur yang kondusif**. Pejabat Pentadbiran melaksanakan dua SAP: **(1) i-DART Booster, dan (2) Go Glow**. Pejabat Bendahari melaksanakan dua SAP: **(1) Penjana Pendapatan melalui Aset Universiti (SAP Sokongan), dan (2) E-Conference & Seminars**. BPF pula melaksanakan satu SAP: **Green and Sustainable Campus**.

Perluasan SAP-SAP tersebut **melangkaui kampus**, mencakupi peringkat nasional dan antarabangsa. BHEA dan ICAN/KTU melaksanakan aktiviti di luar negara seperti di Arab Saudi, Pakistan dan Indonesia (L2-3d). Jaringan antarabangsa diperhebatkan lagi dengan MoU/MoA, perkongsian kepakaran akademik UiTMCP dan ketampakan program/aktiviti/projek seperti **SAMA (Saudi-Malaysia) dan PAMAS (Pakistan-Malaysia)** yang menyerlahkan kecemerlangan PdP di UiTMCP selari dengan aspirasi KPT (L2-3e).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_P01\\_PB03\\_20231\\_L2-2e Senarai Objektif Kualiti UiTMCP 2022.pdf](#)
2. [K0017\\_P01\\_PB03\\_20232\\_L2-3b Senarai 16 SAP 2022 UiTMCP.pdf](#)
3. [K0017\\_P01\\_PB03\\_20233\\_L2-3c Poster INSPIREd UiTMCP 2022.pdf](#)

- 
4. [K0017\\_P01\\_PB03\\_20234\\_L2-3d Poster Penganjuran-Pelaksanaan Program Antarabangsa \(Globally Competent Academia\).pdf](#)
  5. [K0017\\_P01\\_PB03\\_20235\\_L2-3e Senarai MoU dan MoA UiTMCP \(International University Industry\).pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

**Pemantauan yang teliti terhadap pelaksanaan** diperlukan untuk memastikan hasil sesuai dengan jangkaan yang diinginkan. Sehubungan itu, pelaksanaan 16 SAP UiTMCP khususnya **15 SAP PdP** telah melalui **tindakan-atur cara pemantauan yang sistematik dan berkesan**. Pemantauan utama adalah melalui **Mesyuarat JPMSN (L2-4-1a)** yang dilaksanakan empat kali setahun dan **dipengerusikan oleh Rektor UiTMCP** sendiri. Pemantauan dua kali setahun juga dilakukan dalam **MKSP (L2-4-1b)**, bersama dengan **agenda Objektif Kualiti**. Perkembangan pelaksanaan dan pemantauan juga dibahaskan dalam **MPD** dan **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** mengikut keperluan semasa. **PSTU adalah ahli turut hadir** dalam JKEN.

Pemantauan dilakukan seiring dengan pencapaian terhadap **Skor PI** oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). UiTMCP menggunakan sistem **UePMO dan Power BI** serta **slaid pembentangan khas** yang disediakan oleh PSTU. Ini membantu **Rektor dan Pengurusan Eksekutif menilai prestasi semasa UiTMCP, PTJU, dan PTJP (L2-4-1c)** justeru mengambil tindakan intervensi yang sewajarnya. Sebagai usaha pengukuhan, **pemantauan terhadap Objektif Kualiti** juga memfokuskan **aktiviti-aktiviti PTJU berkaitan Skor PI**. Fokus utama pemantauan menjuruskan kepada tiga pencapaian utama:

- a. Menilai **keberkesanan Pelan Strategik (SAP)** dan **Objektif Kualiti** dalam mencapai sasaran PI, kecemerlangan, dan kelestarian PdP di UiTMCP.
- b. Memperkukuhkan **budaya inovasi dan kreativiti dalam SAP** demi meningkatkan kecemerlangan warga kampus melalui teknologi dalam PdP dan aktiviti lain.
- c. Menguatkan pencapaian hasil berkaitan dengan **Kompetensi Global untuk pelajar, akademik, dan semua warga** dalam keselarasan dengan GRU2025.

Mekanisme pemantauan sedia ada **terbukti efektif** dalam memastikan kelancaran pelaksanaan **aktiviti SAP dan Objektif Kualiti**. Ia berupaya **mengenal pasti masalah, merumuskan tindakan penambahbaikan, dan memfokuskan PI yang pencapaiannya rendah, terutamanya PI berpemberat 3 dan ke atas**. PTJU dan PTJP bertanggungjawab dalam mengatasi masalah ini. Setiap tindakan pemantauan diminitkan sehingga langkah intervensi tersebut berjaya dilaksanakan. Situasi ini sering berlaku bagi PI RMU dan ICAN/KTU. Dalam MKSP, pemantauan diperkuat dengan **templat inovasi** pelaporan pencapaian Objektif Kualiti (L2-4-1d), yang berasaskan **konsep ADLI**. Maka, isu dan permasalahan telah dapat ditangani lebih terarah oleh PTJU atau PTJP.

Hasil pemantauan digunakan sebagai **input dalam mengkaji semula pengurusan, memperbaiki pembelajaran, meningkatkan kualiti secara berterusan terutama dalam PdP, dan mengurangkan risiko kegagalan melaksanakan aktiviti SAP dan Objektif Kualiti**. Keberhasilannya adalah **UiTMCP terus unggul dalam Skor PI i-UiTM 2022**.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20231\\_L2-4-1a Slaid Pembentangan Skor PI dan SAP di JPMSN.pdf](#)
2. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20232\\_L2-4-1b Contoh Minit Mesyuarat MKSP.pdf](#)
3. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20233\\_L2-4-1c Contoh Penilaian Prestasi PTJU dan PTJP.pdf](#)
- 4.

3.

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

**16 SAP UiTMCP 2022** didaftarkan dalam sistem **UePMO** bersama dengan risiko-risiko yang dijangkakan termasuk kategori dan sub-kategori (merujuk senarai risiko UiTM 2022) dan tiga elemen pengukuran risiko: **(1) Kebarangkalian berlaku, (2) kadar impak, dan (3) tahap risiko (L2-4-2a)**. Risiko-risiko ini **dikenal pasti oleh PTJU dan pasukannya** semasa bengkel perancangan strategik yang dikendalikan oleh PSTU (selalu urusetia pembangunan dan pelaksanaan SAP UiTMCP). Setiap risiko melibatkan **pertimbangan kos dan manfaat yang berseimbang, untuk mencapai pulangan tertinggi** seperti pencapaian **sasaran PI dan manfaat tinggi kepada pelanggan (pelajar, akademik, termasuk pelanggan luar seperti komuniti dan industri)**. Proses kenal pasti dan pengurusan risiko ini adalah menyeluruh dan melibatkan semua peringkat, dari awal pembangunan SAP hingga pelaksanaannya. Pelaksanaan SAP dipantau setiap tiga bulan melalui platform Mesyuarat JPMSN. Hasilnya, UiTMCP berjaya melaksanakan 16 SAP tersebut dengan 100% siap, yang menyumbang kepada pencapaian Skor PI 95%, menjadikan UiTMCP juara keseluruhan kampus pada 2022.

**GO VISIBLE 2022** adalah antara **SAP PdP 2022** yang pada awalnya mempunyai **tahap risiko yang sederhana tinggi** kerana faktor kos dan kekangan mencari potensi rakan strategik antarabangsa (**R00204, R0091**), dan Covid-19 pandemik (**R00807**). Namun, melalui **perencanaan efektif dan pemantauan risiko oleh PTJU (BHEA)**, UiTMCP berjaya merealisasikan tiga projek Go Visible 2022 di tiga buah negara: (1) Arab Saudi (Mac 2022), (2) Pakistan (Ogos 2022), dan (3) Indonesia (Oktober 2022), yang **memberikan impak signifikan kepada pelajar, akademia, dan ketampakan global UiTMCP (L2-4-2b)**. *Asia International Community of Art and Design (AICAD)* UiTMCP merupakan rakan strategik BHEA yang menjadi pelopor dalam jaringan strategik antarabangsa. Pendekatan serupa diterapkan pada SAP lain, terutama yang terkait dengan PI berpemberat empat. Maka, betapa **pentingnya penilaian risiko dilaksanakan untuk kelestarian UiTMCP** dan seluruharganya ke arah mewujudkan sistem persekitaran PdP yang berkualiti dan cemerlang.

Dalam tadbir urus, **Unit Pengurusan Risiko UiTMCP** mengendalikan pendaftaran risiko rasmi. Unit ini mengumpul dan mendaftarkan risiko yang dikemukakan oleh setiap PTJU. **Rektor UiTMCP mengetuai unit ini**, dengan ahli-ahlinya terdiri daripada PE dan ahli-ahli lantikan (L2-4-2c). Langkah ini sejajar dengan Arahan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Risiko UiTM. Melalui pengurusan risiko yang **efisien, kesiapsiagaan, dan analisis impak**, risiko fizikal dan risiko strategik dapat dikelola secara cermat.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20231\\_L2-4-2a Contoh Pendaftaran Risiko Strategik dalam UePMO – Go Visible 2022.pdf](#)
2. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20232\\_L2-4-2b Contoh Pelaksanaan Program Go Visible 2022 berserta Impaknya \(Pakistan\).pdf](#)
3. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20233\\_L2-4-2c Unit Pengurusan Risiko UiTMCP.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pelaksanaan 16 SAP dan pelan strategik lain (Objektif Kualiti), terutamanya **SAP bagi PI berpemberat empat diteliti dan dikaji semula secara berkala**. Kajian semula adalah amat penting bagi **mengelakkan sebarang risiko kegagalan**. Tindakan-tindakan peningkatan prestasi dan langkah-langkah intervensi telah dilaksanakan berdasarkan keputusan **Mesyuarat JPMSN, MKSP dan MPD**. Ini sejajar dengan prinsip-prinsip pengelolaan dan perkongsian pengetahuan untuk memperkuatkan hasil dan impak positif dari SAP, dalam mencapai sasaran PI tahun 2022. Sebagai contoh, **penemuan analisis dan langkah-langkah penambahbaikan SAP, pencapaian sasaran PI tahun 2022, dan keseluruhan aktiviti PdP**, dapat dihuraikan seperti berikut (L2-4-3a):

**Isu** : Prestasi pencapaian Skor PI (Mei 2022) berada di bawah sasaran 50% Sukuan Kedua 2022 (30 Jun 2022).

**Tindakan** : Penekanan pada PI-PI berpemberat rendah mencapai 100% pada Sukuan Kedua 2022.

**Isu** : Terdapat masalah dalam pelaporan dan verifikasi data BHEP dan ICAN/KTU.

**Tindakan** : PTJU harus melaporkan data PI secara berkala mengikuti fasa pelaporan BTU kepada pihak Pengarah Peneraju, manakala PSTU melaporkan pencapaian PI secara bulanan kepada ahli JPMSN.

**Isu** : Jumlah penerbitan prosiding dan artikel jurnal tersasar dari target 2022.

**Tindakan** : Koordinator RMU dan KPP Kolej/Fakulti/Pusat Pengajian perlu melaksanakan pemantauan yang lebih ketat. Pelaksanaan aktiviti Perak Research Talent Hub (PReTa Hub) harus ditingkatkan.

Melalui tindakan pembaikan, **hasil positif terpapar** dalam pelaksanaan SAP dan pelan strategik lain di UiTMCP. Didapati bahawa pelaksanaan terhadap **15 SAP PdP UiTMCP berjalan lancar** seperti dirancang, walaupun dalam situasi endemik COVID-19. Ini disokong oleh penggunaan kemudahan teknologi digital dalam pelaksanaan SAP dan aktiviti-aktiviti PdP, mencakupi aktiviti penyelidikan dan kolaborasi. Keberhasilannya adalah **pencapaian 100% terhadap pelaksanaan 15 SAP PdP dan satu SAP sokongan dengan risiko yang minimum (L2-4-3b)**, memberikan impak yang positif terhadap prestasi dan kecemerlangan PdP pelajar, akademik, dan seluruh warga di UiTMCP.

Secara keseluruhannya, **kajian semula dan tindakan penambahbaikan terhadap strategi pelaksanaan khususnya SAP telah berjaya** melonjakkan pencapaian peratus Skor PI 2022, meningkat dari 29% pada bulan Mac 2022 menjadi 72% (Jun 2022), dan seterusnya melonjak ke angka 89% dan 95% (Ogos dan Disember 2022) (**L2-4-3c**). Ini mencerminkan **kekuatan perancangan strategik dan tindakan intervensi/penambahbaikan yang menyeluruh dan bersasar**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20231\\_L2-4-3a Laporan Isu dan Intervensi SAP UiTMCP.pdf](#)
2. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20232\\_L2-4-3b 100 Pelaksanaan SAP Dengan Tahap Risiko SAP – Berkaitan PdP.pdf](#)
3. [K0017\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20233\\_L2-4-3c Impak Penambahbaikan Strategi Terhadap Prestasi Pencapaian Skor PI 2022.pdf](#)

4.

5.

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan pelan strategik di UiTMCP melibatkan **warga secara menyeluruh, kolaboratif, inovatif dan futuristik**. PSTU sebagai individu penting yang mengkoordinasikan pelaksanaan aktiviti dan penambahbaikan perancangan strategik. Tugas utama PSTU khususnya di peringkat pelaksanaan pelan strategik (SAP) mencakupi membuat pelaporan pencapaian Skor PI beserta simulasi (L2-5a) dan progres peratusan pelaksanaan 16 SAP. Pelaporan tersebut dibuat setiap bulan melalui platform *WhatsApp* JPMSN kepada ahli Jawatankuasa JPMSN dan dalam mesyuarat JPMSN secara sukuan. PSTU juga sebagai individu penghubung di antara PE dan penyelar PJIM&A yang membantu KPP dalam hal ehwal data dan **pencapaian sasaran PI Kolej/Fakulti/Pusat Pengajian** (L2-5b). Isu yang timbul dikelola melalui komunikasi dan diskusi strategik, bahkan diubah menjadi peluang untuk menghadapi cabaran yang wujud. Hal ini sentiasa **dipraktis dan terhasilnya satu pembudayaan diskusi strategik** ke arah mencapai sasaran PI 2022 dan meningkatkan kecemerlangan PdP mencakupi dimensi kompetensi global pelajar, akademia, dan seluruh warga kampus di UiTMCP.

Setiap kejayaan yang dikecapi oleh UiTMCP dan warganya **disebarluas** melalui pelbagai platform seperti **Amanat Tahun Baharu, mesyuarat akademik, program jerayawara dan media sosial** (seperti *Facebook* Rasmi UiTMCP) (L2-5c). Ianya bertujuan untuk meningkatkan **motivasi dan membentuk sistem budaya kerja berkualiti dan tangkas** di kalangan semua warga, justeru UiTMCP akan terus lestari dan cemerlang.

Pemeriksaan JPMSN sebagai platform pelaporan dan pemantauan aktiviti perancangan strategik di UiTMCP dianggap sebagai satu **inovasi yang unik**, kerana banyak kampus dalam sistem UiTM belum sepenuhnya memanfaatkan platform seumpama ini. Maklumat ini didapati dari sesi perkongsian amalan terbaik oleh PSTU, UiTMCP, dalam Program Bengkel "*Outreach, Mentoring and Coaching PSTU UiTM for Leadership Transformation*" yang diadakan pada 29-30 Mei 2023 (L2-5d). Program ini merupakan penganjuran bersama oleh BTU dan Institut Kepimpinan dan Pembangunan UiTM (ILD).

Ketampakan kecemerlangan PdP di UiTMCP akan terus ditingkatkan untuk menarik lebih banyak pihak luar yang ingin menjadikannya sebagai suri tauladan untuk integrasi amalan terbaik. Sempena sesi pembentangan Sukuan Keempat Skor PI 2022, Rektor UiTMCP turut diminta oleh Naib Canselor untuk **berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik UiTMCP dengan seluruh sistem UiTM** (L2-5e). Hal ini sejajar dengan pendekatan perancangan strategik UiTMCP (Strategik Mikro) yang sentiasa sejajar dengan hala tuju strategik UiTM 2025 (GRU2025). Selain itu, pendekatan ini juga seiring dengan perancangan strategik di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kerajaan Negeri Perak, Darul Ridzuan, terutama dalam memperkasa sumber manusia, kebolehpasaran graduan, kelestarian pengurusan fasiliti, aplikasi teknologi dan memacu kesejahteraan komuniti. Maka, tidak boleh dinafikan bahawa **ketampakan dan kompetensi UiTMCP telah terserlah di persada nasional dan global**.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_P01\\_PB05\\_20231\\_L2-5a Templat Inovatif bagi Paparan Skor PI dan Simulasi.pdf](#)
2. [K0017\\_P01\\_PB05\\_20232\\_L2-5b Pengagihan Sasaran PI kepada Kolej Fakulti Pusat Pengajian sebagai Kaedah Kolaboratif.pdf](#)
3. [K0017\\_P01\\_PB05\\_20233\\_L2-5c Hebahan Pencapaian UiTMCP dan Warganya.pdf](#)
4. [K0017\\_P01\\_PB05\\_20234\\_L2-5d Perkongsian Ringkas PSTU, UiTMCP dalam Program BTU.pdf](#)
5. [K0017\\_P01\\_PB05\\_20235\\_L2-5e Perkongsian Ringkas Rektor Uitmcp Dalam Sesi Pembentangan Akhir Skor PI 2022.pdf](#)



## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCP melibatkan pelanggan iaitu **akademia, pelajar dan rakan strategik** untuk kejayaan jangka panjang termasuk bagaimana UiTMCP mendengar keperluan serta kehendak pelanggan dan membina hubungan dengan mereka. Bersendikan era pelestarian sumber, corak pengurusan UiTMCP dikukuhkan secara holistik, bersasar dan memperkasakan sumber sedia ada serta yang berpotensi untuk diterokai ke arah kemampanan PdP. Pengkhususan kepada proses dari strategi keunggulan PdP telah menyumbang kepada prestasi UiTMCP yang utuh berdaya tahan pasca pandemik dalam mendepani cabaran pendidikan era digital. Oleh itu setiap inisiatif dalam Pelan Perancangan Strategik dan Objektif Kualiti (OK) UiTMCP sentiasa mengutamakan Petunjuk Prestasi (PI) yang berkaitan pelanggan.

Tahun 2022, langkah pertama dalam kitaran PDCA, UiTMCP telah **merancang secara holistik** agenda tumpuan pelanggan ke arah amalan prestasi perkhidmatan terbaik melalui sembilan **tema strategik – penggemblengan tenaga pelbagai pihak untuk bersinergi demi perubahan yang optimum**. Secara umumnya tema strategik ini membentuk ketetapan **15 SAP berfokuskan PdP yang luar biasa dan berimpak telah menjadi kekuatan perancangan UiTMCP**. Tindakan ini tanpa mengabaikan nilai kolektif bersama ESI sebagai sebuah organisasi unggul dan nilai individu i-DART yang ada pada setiap warga UiTMCP. **Elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan** dalam ketetapan 15 SAP juga ditekankan dalam setiap inisiatif yang diusahakan bagi meningkatkan kompetensi global UiTMCP di peringkat antarabangsa untuk UiTM mencapai hala tuju strategik menjadi *Globally Renowned University* menjelang 2025.

Langkah **pelaksanaan secara eksplisit** dalam bidang tumpuan berkaitan PdP menjayakan setiap perancangan melalui 15 daripada 16 SAP berfokuskan PdP UiTMCP. Impaknya adalah inovasi perkhidmatan merentasi bidang teras akademik sekaligus menyokong pelestarian yang **menepati standard global Sustainable Development Goals (SDG) dan Education for Sustainable Development (ESD)** serta sejajar dengan **model ADAB** dalam membina pengalaman penyampaian dan pembelajaran sebagai kesinambungan inisiatif **Education 5.0@UiTM**. Impaknya UiTMCP cakna memastikan pendedahan dan amalan nilai-nilai berkepentingan ini **dilaksanakan secara menyeluruh dan dibudayakan** dalam setiap pelan tindakan yang diambil.

UiTMCP komited dalam memastikan standard perkhidmatan pelanggan yang ditawarkan berada di tahap tertinggi sehingga melebihi jangkaan pelanggan sejajar dengan pendekatan *delighting the customer* yang bercirikan tiga kualiti perkhidmatan pelanggan iaitu fizikal, penyampaian dan emosi. Oleh itu, hasil kepuasan pelanggan memberikan informasi penting untuk UiTMCP meningkatkan kualiti perkhidmatan PdP yang ditawarkan. Langkah **pemantauan, semakan kemajuan dan kajian semula secara efektif dari semua sudut pengurusan** termasuk pengurusan risiko dan bencana sentiasa menjadi keutamaan UiTMCP sehingga dijadikan agenda di dalam pelbagai peringkat mesyuarat seperti Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP).

UiTMCP meneruskan komitmen jitu untuk memenuhi keperluan, kehendak serta jangkaan pelanggan berkaitan PdP melalui pengurusan interaksi dan perhubungan yang cekap dan berkesan antara organisasi dan pelanggan. Langkah **tindakan penambahbaikan, pencegahan dan pembetulan** dalam kitaran terakhir PDCA menjadi keutamaan UiTMCP menerusi hasil pemantauan dan penganalisan berkaitan PdP ke atas laporan daftar aduan pelanggan, laporan soal selidik kepuasan pelanggan kaunter perkhidmatan dan secara dalam talian serta laporan maklum balas tahap kepuasan pelanggan (program berkala). Keberkesanan pengurusan UiTMCP melalui amalan kitaran PDCA secara berterusan memberi impak kepada prestasi yang signifikan dapat dibuktikan dengan pelbagai pencapaian berteraskan kepada 60 PI yang bersasaran kepada pelanggan utama UiTMCP.



### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCP sentiasa memberi perhatian untuk **meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan** dengan memberi tumpuan kepada perkhidmatan pelanggan. Usaha untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan tidak terbatas pada penambahbaikan sistem dan proses kerja sahaja, malah turut memerlukan perhatian terhadap aspek mengukuhkan jalinan hubungan antara UiTMCP dan pelanggan-pelanggannya.

UiTMCP menjadikan pelanggan domestik iaitu **akademia dan pelajar** serta **rakan strategik** selaku pemegang taruh sebagai kumpulan sasar bagi bidang tumpuan PdP. **Kepimpinan inklusif UiTMCP juga komited terhadap budaya kerja yang tidak meminggirkan akademia dan pelajar OKU.**

UiTMCP menjadikan **pendekatan *delighting the customer*, Panduan Pengurusan Perhubungan Pelanggan oleh MAMPU** untuk memenuhi ciri-ciri kualiti *standard* perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan iaitu **fizikal, penyampaian dan emosi** (L3-2a). Pendekatan ini juga **mengambil kira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan** melalui pembinaan hubungan utuh dengan pelanggan untuk membina budaya pengurusan yang lebih tertumpu kepada pelanggan.

UiTMCP tekad menghasilkan **akademia berkompentensi global** sebagai tunjang keunggulan PdP melalui **pendekatan pembangunan kecemerlangan bakat** akademia. Tahun 2022, UiTMCP mempunyai kekuatan 670 akademia yang terdiri daripada satu Profesor Khas (Kontrak), satu Profesor Gred Khas C, satu Prof. Madya Kehormat (Kontrak), 26 Prof. Madya, 386 Pensyarah Kanan, 248 Pensyarah, empat Pensyarah Muda dan tiga Penolong Pensyarah (L3-2b). Julat akademia yang besar ini turut meluaskan inisiatif UiTMCP untuk membangunkan akademia cemerlang dengan set kemahiran yang relevan. Antaranya **Program Kembara Ilmu Penjelajahan Akademia yang turut menyumbang kepada pencapaian Vice Chancellor Special Project (VCSP).**

Ke arah **kecemerlangan pelajar pelbagai peringkat dan bidang**, UiTMCP mengambil **pendekatan mempertingkatkan pengalaman pembelajaran** berteraskan objektif UiTM iaitu penghasilan graduan seimbang bercirikan keusahawanan yang kompetitif di peringkat global. Pada tahun 2022, UiTMCP mempunyai kekuatan 12,553 pelajar, di mana 381 pelajar pascasiswazah dan 183 daripadanya adalah pelajar antarabangsa (L3-2c). Oleh itu, UiTMCP mengamalkan pendekatan berorientasi fleksibiliti untuk memastikan **pendekatan memperkasakan PdP dan program/aktiviti pelajar** berjaya **memacu kecemerlangan akademik dan pembangunan modal insan bercirikan keusahawanan serta memiliki tanggungjawab sosial** kepada masyarakat.

**Rakan strategik khusus mereka yang berstatus alumni UiTMCP** turut diberi keutamaan seimbang dan segala usaha dipacu ke arah menepati kepuasan pelanggan ini. Menghasilkan **keserakanan melalui kolaborasi strategik** seperti MoU/MoA/MoC/Lol adalah strategi penghubung UiTMCP dengan pihak luar. UiTMCP mempunyai kekuatan 21 rakan strategik di mana pada tahun 2022 sahaja, 11 MoU/MoA/MoC baharu dimeterai yang melibatkan industri antarabangsa dan tempatan (L3-2d). **Pendekatan meterai memorandum perjanjian** seperti ini **mengoptimumkan penggunaan sumber antara rakan strategik** sekali gus telah membudayakan penyelidikan dan penerbitan melalui inisiatif geran dalaman dan luaran telah menyerlahkan ketampakan UiTMCP di peringkat nasional dan global.

UiTMCP sentiasa **merencanakan tadbir urus secara kolaboratif** di semua peringkat pengurusan mencakupi peringkat pengurusan eksekutif sehingga ke peringkat jabatan/fakulti/program (L3-2e) demi kelangsungan penyampaian perkhidmatan pelanggan berprestasi tinggi. Bagi memastikan keseimbangan kualiti perkhidmatan pelanggan kepada kumpulan sasar, perincian pendekatan yang diambil berpegang kepada ketetapan Pelan Perancangan Strategik (PPS) dan Objektif Kualiti (OK) UiTMCP dan sentiasa mengutamakan Petunjuk Prestasi (PI) yang berkaitan pelanggan. Penetapan sasaran PPS dan OK berorientasikan **nilai teras kecemerlangan, sinergi dan integriti** supaya UiTMCP diiktiraf,

dirujuk dan dihormati, mencapai hasil berkualiti yang bermanfaat dan berimpak tinggi, serta mencapai etika profesionalisme yang tinggi.

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_T01\\_TB02\\_20231\\_L3-2a Panduan Pengurusan Perhubungan Pelanggan MAMPU.pdf](#)
2. [K0017\\_T01\\_TB02\\_20232\\_L3-2b Jumlah Kakitangan UiTMCP Tahun 2022.pdf](#)
3. [K0017\\_T01\\_TB02\\_20233\\_L3-2c Bilangan Pelajar UiTMCP Tahun 2022.pdf](#)
4. [K0017\\_T01\\_TB02\\_20234\\_L3-2d MoU Baharu UiTMCP Tahun 2022.pdf](#)
5. [K0017\\_T01\\_TB02\\_20235\\_L3-2e Senarai 64 Ahli Mesyuarat MKSP Kali Ke-33 Bil. 1 Tahun 2022.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTM mempunyai pangkalan data yang luas untuk mengumpul, menyimpan dan mengenal pasti data-data utama universiti termasuk data keseluruhan pelanggan. UiTMCP memanfaatkan sepenuhnya integrasi sistem data berkaitan pelanggan sedia ada melalui **pengurusan dan perancangan yang sistematik**. Pengurusan UiTMCP telah melibatkan kumpulan sasaran di pelbagai peringkat mesyuarat sehingga pelaksanaannya termasuk mengambil peduli akan tahap kesediaan dan kemampuan fasiliti sedia ada.

Pengurusan dan penyimpanan data dan maklumat pelanggan domestik UiTMCP diintegrasikan dalam sistem ICT sedia ada bagi tujuan pengurusan rekod, pentadbiran, urus tadbir pengoperasian PdP. **UiTMCP mengoptimumkan semua sumber dan kemudahan ICT** ini untuk menyokong sistem perkhidmatan universiti berkepentingan PdP. Dua sistem utama yang terlibat dalam **pengumpulan, penyimpanan dan pengenalpastian data pelanggan domestik UiTMCP adalah Portal i-Staf dan SIMS**. Keberkesanan SIMS ini diperluaskan dengan membolehkan akademik mengakses data berkaitan pelajar melalui SIMS Academic dan eRes. SIMS turut diintegrasikan bersama *Academic Load and Task Management System (MyATP)* dan *Academic Information Management System (AIMS)* (L3-3a).

Selari dengan Pekeliling Akademik Bilangan 3 Tahun 2019, **UiTMCP telah mengoptimumkan sistem MyATP** sejak ia dimulakan pada Mac 2019. MyATP ini menjadi **medium integrasi data akademik** berkaitan perancangan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) yang merangkumi Konteks Syarahan (KS), Penyediaan Syarahan (PS), Penyeliaan (K1), Penyelidikan, Penerbitan & Penulisan, Penilaian Akademik, Perundingan, Inovasi & Pengkomersilan (K2), serta Perkhidmatan dan Pentadbiran (K3) (L3-3b) yang turut melibatkan integrasi sistem seperti PRIME, IRMIs, iReS dan iCONS.

Dari aspek pelaksanaan PdP, UiTMCP menggalakan akademik dan pelajar memperluaskan penggunaan fasiliti PdP berteraskan teknologi termasuk mengoptimumkan platform **MOOC UiTM-uFUTURE, CGCT, peralatan berteknologi tinggi** seperti drone dan ruang PdP seperti **Smart Classroom** dan **BYOD** untuk merangsang fleksibiliti dalam penyampaian PdP. **UiTMCP turut membudayakan pendidikan inklusif dan tidak meminggirkan mana-mana golongan termasuk 5 pelajar OKU-nya** melalui perluasan berdasar Polisi Pengajian Pelajar Kurang Upaya 2018 sebagai panduan dan tatacara pengurusan pengajian mereka (L3-3c).

UiTMCP juga mendukung sepenuhnya sebarang **inovasi penyampaian perkhidmatan** yang secara tidak langsung berkait dan menyumbang kepada pemerkasaan PdP seperti **Virtual Valley** sebagai platform alam maya menggabungkan pengurusan pejabat dan pembangunan sumber manusia iaitu pengurusan pelanggan di kaunter dan pengurusan latihan. Dukungan juga diberikan kepada usaha memantapkan prasarana ICT seperti pembangunan sistem NET-Worms bagi pemantauan penyelenggaraan perkakasan rangkaian oleh konsesi dan memberi keutamaan memperbaiki projektor LCD di bilik-bilik kuliah (L3-3d).

UiTMCP juga tidak menafikan penglibatan rakan strategik ke arah memperkasakan penyampaian PdP. Oleh itu telah menjadi **amalan UiTMCP dalam memorandum persefahaman** bersama rakan strategik berpotensi dibuat **berdasarkan jalinan hubungan kerjasama yang telah terbina sebelum ia ditandatangani** agar keserasian yang telah wujud menjadi jaminan keberkesanan perjanjian ini. UiTMCP turut menggunakan sistem NILAMs bagi proses semakan dan pelaporan aktiviti pelbagai dokumen perundangan dengan rakan strategik berpotensi.

Pengurusan UiTMCP sentiasa melibatkan kumpulan sasaran dalam menjayakan pelaksanaan PdP secara eksplisit, tepat, jelas dan spesifik. Tidak ketinggalan penganjuran program perkongsian ilmu, kemahiran dan kepakaran yang melibatkan kesemua kumpulan sasaran secara fizikal atau maya bersama pihak universiti, industri dan komuniti di peringkat antarabangsa (L3-3e). Semua ini memberi **petunjuk komitmen UiTMCP menyebarkan kepentingan**

**mengaplikasikan sistem integrasi ICT di seluruh peringkat** di mana data pelanggan mudah untuk dikenal pasti, dipantau mahupun diselenggara **ke arah jaminan kualiti penyampaian PdP**.

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_T01\\_TB03\\_20231\\_L3-3a Laman Sesawang Student Information Management System \(SIMS\).pdf](#)
2. [K0017\\_T01\\_TB03\\_20232\\_L3-3b Pekeliling Akademik Bilangan 3 Tahun 2019.pdf](#)
3. [K0017\\_T01\\_TB03\\_20233\\_L3-3c Projek Naik Taraf Fasiliti OKU.pdf](#)
4. [K0017\\_T01\\_TB03\\_20234\\_L3-3d Projek Naik Taraf Rangkaian Tanpa Wayar .pdf](#)
5. [K0017\\_T01\\_TB03\\_20235\\_L3-3e Program Perkongsian Ilmu, Kemahiran dan Kepakaran.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan UiTMCP secara langsung terhadap 34 sub-OK dan 60 PI berkaitan PdP telah memberi impak dan manfaat penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasaran. Tindakan pemantauan ini dapat memastikan pencapaian yang telah ditetapkan tercapai dan ada kebaikan/ganjaran ke atas mereka yang telah menyumbang kepada kecemerlangan PdP.

Pemantauan program akademik berteraskan teknologi telah membawa kepada pengiktirafan MBOT ke atas 12 program akademik yang ditawarkan di UiTMCP. **Ganjaran daripada usaha pemantauan ini turut menambah jumlah akademia diiktiraf sebagai *Professional Technologist (Ts)*** sejajar dengan sasaran OK12(d) UiTMCP iaitu 40% akademia mempunyai keahlian badan profesional menjelang tahun 2025. Tambahan lain, **pelajar daripada program akademik tersebut akan bergraduat sebagai *graduate technologist*** (L3-4-1a).

Merujuk kepada prestasi akademia UiTMCP, **pemantauan efektif terhadap MyATP** meningkatkan keberkesanan rancangan kerja semester dan sasaran kerja tahunan, penilaian prestasi tahunan serta kenaikan pangkat. Pendigitalan ATP ini memudahkan proses mengenal pasti, mendokumentasikan serta mengiktiraf tugas dan tanggungjawab akademia. Ia menjadi rujukan utama penentuan ganjaran kepada mereka seperti kenaikan pangkat dan penganugerahan APC. Sebagai **inisiatif tambahan, UiTMCP turut mewujudkan anugerah berdasarkan prestasi bulanan iaitu Anugerah Pekerja Contoh Bulanan (Kategori Staf Akademik)** (L3-4-1b).

Pemantauan berterusan terhadap OK3(b) UiTMCP iaitu penetapan peratusan graduan yang bergraduat dengan PNGK 3.5 ke atas, **memberi kebaikan kepada pelajar kerana berpotensi mendapat Sijil AD, TS dan ANC**. Pelajar juga akan bergraduat **bersama peluang menjadi calon penerima enam kategori Anugerah Graduan Terbaik (AGT)** bagi pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda serta **dua kategori Anugerah Pasca Siswazah** bagi pelajar Ijazah dan PhD semasa Istiadat Konvokesyen berlangsung.

Tidak ketinggalan UiTMCP konsisten memantau laporan aktiviti berkaitan rakan strategik melalui sistem NILAMs untuk memastikan keberkesanan perjanjian persefahaman yang telah termeterai. **Kebaikan yang diterima rakan strategik** hasil daripada pemantauan ini **adalah akses kepada pengetahuan dan penyelidikan terkini, peluang kolaborasi dengan pakar akademik, dan potensi pengembangan inovasi, pasaran produk atau teknologi**.

Secara keseluruhannya, UiTMCP bersungguh-sungguh memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggannya dan sentiasa memastikan mereka yang komited menyumbang kepada kecemerlangan PdP sentiasa dihargai. **Pemberian warkah penghargaan dan juga hebahan melalui poster tahniah di *Facebook Rasmi UiTMCP*** juga dilaksanakan bagi menzahirkan penghargaan dan meraikan sumbangan yang signifikan atas manifestasi petunjuk prestasi dan pemangkin untuk kejayaan yang lebih cemerlang (L3-4-1c).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20231\\_L3-4-1a Senarai 12 Program yang Diiktiraf MBOT yang Ditawarkan di UiTMCP.pdf](#)
2. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20232\\_L3-4-1b Anugerah Pekerja Contoh Bulanan \(Kategori Staf Akademik\).pdf](#)
3. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20233\\_L3-4-1c Penghargaan Melalui Hebahan Poster Tahniah di FB Rasmi UiTMCP.pdf](#)

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCP sentiasa peka dan menilai tahap risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian maklum balas pelanggan melalui perancangan tindakan pencegahan yang berkesan. UiTMCP telah mengenal pasti dan mengelola risiko-risiko ini dengan berkesan. Justeru UiTMCP komited terhadap pengurusan berteraskan pelanggan dengan mendaftarkan setiap aduan daripada pelanggan di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko. Langkah ini merangkumi penilaian menyeluruh serta usaha berterusan untuk memperbaiki kualiti dan prestasi PdP.

Tahun 2022 menyaksikan isu berkaitan fungsi peralatan rangkaian usang dan tamat tempoh jaminan telah didaftar sebagai risiko operasi berkaitan PdP bertahap tinggi (L3-4-2a). Keadaan ini menyebabkan pelanggan mengalami gangguan akses internet dan turut mengganggu sistem-sistem dalam talian utama dan proses PdP. UiTMCP mengambil langkah responsif menggantikan secara berfasa peralatan rangkaian terlibat oleh Unit Infrastruktur ICT. Langkah ini dapat **mengelakkan risiko strategik yang menghalang untuk mencapai hala tuju universiti khususnya berkaitan pelaksanaan dasar PdP** seperti *21st Century Teaching and Learning, IR4.0* dan *Education 5.0@UiTM*.

**UiTMCP turut memandang serius perkara berkaitan kesihatan mental pelajar.** Justeru, UiTMCP telah mendaftarkan risiko kesihatan mental dan emosi yang boleh menjejaskan kesejahteraan pelajar agar risiko reputasi ini dapat dicegah dan mengelakkan sebarang implikasi kepada imej UiTMCP. UiTMCP bukan sahaja telah menggerakkan pelan pencegahan menangani isu ini secara berterusan malah turut mengambil inisiatif memberi latihan mengenai kemahiran Bantuan Awal Psikologi (PFA) dan menganjurkan Bengkel Aplikasi Psychological First Aid Dalam Kemahiran Menolong. Ini antara **langkah intervensi dalam mengurangkan risiko kesan negatif terhadap psikologi pelajar** dan sebagai **sokongan serta bantuan kepada para pelajar yang mengalami simptom gangguan kesihatan mental** (L3-4-2b).

Merujuk kepada pelanggan luar iaitu kerjasama UiTMCP dengan rakan strategik melalui MoU/MoA/MoC/Lol pastinya memberi manfaat yang besar kepada kedua-dua pihak. Namun begitu, terdapat juga risiko yang perlu diambil kira, antaranya adalah keperluan kepatuhan undang-undang yang boleh mendatangkan **risiko kewangan serta reputasi kepada UiTMCP dan rakan strategik**. Oleh itu **UiTMCP patuh menggunakan sistem ICT NILAMs** dalam proses semakan dan pelaporan aktiviti dokumen perundangan (L3-4-2c). UiTMCP juga mengamalkan **setiap kerjasama yang melibatkan MoU perlu berdasarkan kepada kerjasama yang telah sedia wujud sebelum ia ditandatangani bagi mengurangkan risiko** seperti konflik kepentingan, penyalahgunaan sumber dan kehilangan kepentingan akademik.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20231\\_L3-4-2a Daftar Risiko Operasi Bertahap Tinggi.pdf](#)
2. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20232\\_L3-4-2b Penganjuran Program Berkaitan Psikologi.pdf](#)
3. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20233\\_L3-4-2c Senarai Permohonan UiTMCP Menggunakan Sistem NILAMs Tahun 2022.pdf](#)



### 3.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCP komited memberikan perkhidmatan kepada pelanggan berkualiti **ke arah memenuhi keperluan Standard ISO 9001:2015**. Ini penting **untuk memastikan pengalaman positif pelanggan yang berinteraksi dengan UiTMCP** sambil terus meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan.

Manual Kualiti UiTMCP, menetapkan dasar dan prosedur yang berkaitan tumpuan kepada pelanggan yang jelas bagi memastikan kehendak pelanggan dikenal pasti dengan tujuan meningkatkan kepuasan pelanggan. Ia dicapai melalui tindakan **mewujudkan kaedah penerimaan maklum balas dan aduan pelanggan, mengkaji semula, menangani risiko dan merekodkan sebarang pindaan serta keperluan tambahan yang ditetapkan oleh UiTMCP**.

UiTMCP menetapkan saluran komunikasi yang jelas untuk menerima maklum balas dan aduan pelanggan melalui **mengoptimimumkan penggunaan sistem ICT seperti e-Aduan, UniTS, e-Aduan Fasiliti serta borang-borang digital** bagi soal selidik dan maklum balas kepuasan pelanggan. Inisiatif menyebarkan luas saluran **maklum balas pelanggan melalui kod QR di kaunter perkhidmatan semua fakulti, bahagian dan unit (L3-4-3a)** memudahkan capaian oleh pelanggan, urusan rekod yang bersistematik dan pengeluaran log arahan kerja menjadi lebih cekap dan pantas.

UiTMCP menguruskan aduan secara sistematik bermula daripada proses pengesanan aduan sehingga kepada proses penyelesaian aduan bagi memastikan tiada aduan yang terlepas pandang. Melalui Unit Komunikasi Korporat (UKK) tiga pelaporan keberkesanan pengurusan maklum balas dan aduan pelanggan telah dikumpul melalui **inisiatif laporan daftar aduan pelanggan, laporan soal selidik kepuasan pelanggan kaunter perkhidmatan dan secara dalam talian serta laporan maklum balas tahap kepuasan pelanggan (program berkala) (L3-4-3b)**. Pelaporan ini dianalisis, dibentangkan dalam MKSP dua kali setahun untuk sebarang tindakan mitigasi dan penambahbaikan atau pencegahan.

Pemantauan dan penganalisaan secara tahunan ke atas tiga laporan ini dibuat melalui **dua kaedah** iaitu **jumlah aduan yang semakin menurun** serta **skor kepuasan hati pelanggan terhadap semua unit dan bahagian**, di mana data ini dibandingkan dengan tahun sebelumnya bagi melihat tren dan menilai keberkesanan tindakan untuk memastikan tiada aduan sama berulang.

Penilaian lain yang berkait dan turut menyumbang kepada kualiti perkhidmatan PdP seperti pelaksanaan Audit Dalam dan menyediakan Laporan Penilaian Kendiri (SRR) serta penilaian dan analisis keberkesanan PdP melalui pelaporan SuFO, PRO-PENS, TESA, *Entrance and Exit Survey (EES)* dan CDL-CQI (L3-4-3c). **Setiap tindakan penganalisan dan hasil pelaporan ini dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa terlibat dan seterusnya disebarluaskan ke peringkat berkaitan untuk tindakan penambahbaikan**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20231\\_L3-4-3a Kod QR Maklum Balas Pelanggan di Kaunter Perkhidmatan Pejabat.pdf](#)
2. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20232\\_L3-4-3b Templat Daftar Aduan Pelanggan Soal Selidik Kepuasan Pelanggan Kaunter Perkhidmatan.pdf](#)
3. [K0017\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20233\\_L3-4-3c Minit Mesyuarat Kakitangan Akademik Ke 95 Bil 1 Tahun 2022.pdf](#)

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTMCP memfokuskan integrasi hasil **akademia berkemampuan global** berusaha untuk melatih individu dengan kemampuan untuk beroperasi di skala global, **kecemerlangan pelajar di pelbagai peringkat dan bidang** melibatkan pencapaian unggul dalam pelbagai aspek, dan **keserakanan melalui kolaborasi strategik** mencakupi *mutual collaboration* bersama industri berpotensi untuk mencapai tujuan dan tindakan melalui kerjasama yang saling menguntungkan.

Penganjuran **Ipo International Summit on Professionalism, Research and Education (INSPIREd) 2022** (L3-5a) membuka platform pengintegrasian PdP di peringkat antarabangsa melalui pemerikasaan akademia. Ia membawa kepada **keberhasilan prosiding berindeks Scopus/WoS, artikel berindeks Scopus/WoS/ERA/MyCITE, pendaftaran harta intelek, USR, KTP, Alumni Expert Service Programme** serta meningkatkan ketampakan UiTMCP melalui pameran karya seni.

Keberkesanan tindakan terancang oleh UiTMCP melalui 15 daripada 16 SAP berkepentingan PdP berjaya mencapai objektifnya. Mengintegrasikan fokus hasil melalui satu SAP merupakan inovasi yang mengoptimalkan pelbagai hasil yang disasarkan. Sebagai contoh SAP **Go Visible 2022!** (L3-5b) berjaya meningkatkan jaringan kolaborasi dan perkongsian idea berkenaan isu semasa dalam bidang akademik, penyelidikan, inovasi dan perundingan bersama rakan strategik sekaligus **memberi impak kepada kecemerlangan pelajar dan ketampakan akademia pada skala nasional dan antarabangsa.**

UiTMCP turut menawarkan **homegrown programme** di pelbagai tahap pengajian seperti Diploma Teknologi Geospasial, Sarjana Muda (Kepujian) Teknologi Pembinaan Bangunan, Sarjana Senibina Hijau dan Doktor Falsafah Rekabentuk dan Alam Bina. Program-program ini menerapkan elemen *SDGs, IR 4.0, 21st Century Learning* dan **diintegrasikan dalam pembangunan kurikulum agar memberi impak PdP sekaligus melahirkan graduan holistik dan berteknologi tinggi.**

Integrasi, amalan dan pembudayaan yang diusahakan oleh UiTMCP tidak tertumpu kepada PdP sahaja malah turut diterjemahkan melalui sokongan kepada pemerikasaan keberkesanan PdP. BHEP UiTMCP turut memainkan peranannya melalui SAP **Kepimpinan Pelajar Terunggul & Pengantarabangsaan, Creativity, Innovative & Virtuality In Life (CIVIL), Pembangunan Pelajar Holistik, Kebolehpasaran Graduan dan Kesejahteraan Pelajar** (L3-5c). 5 pelan tindakan ini mampu melengkapkan ilmu dan memantapkan kemahiran pelajar, serta mengukuhkan pembinaan kemenjadian dan penjenamaan diri untuk persediaan mereka bergraduasi dan memiliki kerjaya.

Pejabat PJIM&A tidak terkecuali menyumbang ke arah kecemerlangan akademia dan pelajar. SAP **Start Up Entrepreneurship (SUE)** yang melibatkan **Students Entrepreneurship Program (STEP)** dan **Staffs Entrepreneurship Program (STAP)** bukan sahaja telah meningkatkan jumlah pelajar yang menjalankan aktiviti perniagaan dan berdaftar di MyENT, malah turut meningkatkan jumlah staf yang mempunyai kemahiran keusahawanan yang akan menjadi mentor kepada pelajar dan komuniti bersasar B40.

Berkait dengan rakan strategik, SAP PJIM&A iaitu **Global Partnership Industry, Community & Alumni (GPICA)** melibatkan sub-tindakan **Perak Smart Partnership (PSP), Connecting Community, Reconnecting Alumni,** dan **Supporting Government Agencies** (L3-5d) menjana kerjasama bersama industri tempatan dan antarabangsa, komuniti, alumni dan agensi kerajaan dengan memperkasa program-program berimpak tinggi sekali gus menyumbang kepada kecemerlangan PdP UiTMCP.

Kesepaduan warga UiTMCP memimpin dan mengurus bersandarkan nilai ESI-iDART dalam menghadapi cabaran perkhidmatan pelanggan telah membawa kepada **inovasi rekod yang perlu diuruskan secara sistematik.** Inovasi templat dan formula menggunakan *Microsoft Office Excel* ini (L3-5e) bertujuan memudahkan dan memperkemaskan pengurusan serta pemprosesan data berkaitan pelanggan. **Integrasi data-data ini** dalam bentuk laporan daftar

aduan pelanggan, laporan soal selidik kepuasan pelanggan kaunter perkhidmatan dan secara dalam talian serta laporan maklum balas tahap kepuasan pelanggan (program berkala) **dibentangkan dalam MKSP untuk sebarang tindakan pencegahan mahupun penambahbaikan.**

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_T01\\_TB05\\_20231\\_L3-5a Penganjuran Acara di Bawah INSPIREd 2022.pdf](#)
2. [K0017\\_T01\\_TB05\\_20232\\_L3-5b Senarai SAP Bahagian HEA UiTMCP Tahun 2022.pdf](#)
3. [K0017\\_T01\\_TB05\\_20233\\_L3-5c Senarai SAP Bahagian HEP UiTMCP Tahun 2022.pdf](#)
4. [K0017\\_T01\\_TB05\\_20234\\_L3-5d Senarai SAP PJIM\\_A UiTMCP Tahun 2022.pdf](#)
5. [K0017\\_T01\\_TB05\\_20235\\_L3-5e Inovasi templat dan formula Microsoft Office Excel .pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCP menggunakan Pelan Perancangan Strategik (SAP) dan matlamatnya sebagai rangka kerja untuk memilih dan menyelaraskan ukuran prestasi organisasi. Konsep **penjajaran dan penyepaduan** digunapakai dalam perancangan proses pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan supaya konsisten dan sistematik diantara semua sistem dan operasi kerja dengan matlamat SAP. Semua maklumat yang dikumpul penting untuk meningkatkan prestasi dengan berkesan serta mengurus pengetahuan bagi memacu peningkatan, inovasi dan daya saing UiTMCP serta menyokong keputusan berasaskan fakta (plan).

Maklumat keseluruhan pencapaian SAP dimuatnaik ke sistem UePMO setiap 3 bulan oleh PTJ yang diamanahkan (BHEA, PJIM&A, BHEP dan Bahagian Pentadbiran) bagi tujuan pelaporan dan semakan untuk memastikan tahap pencapaian UiTMCP pada setiap sukuan tahun sejajar dengan sasaran yang ditetapkan. Matlamat pengukuran prestasi, analisis, semakan dan penambahbaikan adalah untuk membimbing UiTMCP ke arah pencapaian PI I-UiTM dan objektif strategik, menjangka dan bertindak balas terhadap perubahan organisasi atau luaran yang pantas atau tidak dijangka, dan mengenal pasti amalan terbaik dalaman dan luaran sebagai salah satu mekanisme pemantauan terhadap SAP. UePMO berfungsi sebagai pusat pengumpulan data pencapaian bersepadu (do).

Bagi memastikan kualiti dan ketersediaan semua maklumat, UiTMCP menggunakan fasiliti dan teknologi terkini yang disediakan oleh pihak UiTM serta inovasi dalaman dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Sejak tahun 2020, aplikasi atas talian iaitu **app.powerbi.com** digunakan bagi menganalisis setiap pencapaian SAP UiTMCP dengan data perbandingan di seluruh sistem UiTM. Semakan dan pengesahan oleh pihak Pengurusan Eksekutif dibantu oleh ketua di setiap bahagian, fakulti, jabatan dan unit yang bertindak sebagai **pelaksana** kepada setiap **inisiatif strategik** yang telah dirancang (check).

Pihak UPK, Koordinator Sistem Pengurusan dan Jaminan Kualiti (KSPJK) bertanggungjawab melaksanakan penyelarasan menyeluruh terhadap ukuran dan data yang menyokong prestasi sistem kerja dan proses kerja yang dinilai melalui pencapaian Objektif Kualiti (OK) UiTMCP. Semua proses yang terpilih direkodkan dan dijejaki melalui **Skor Kad Pelaporan Objektif Kualiti (SKP-OK)** dan hasil pencapaian dilaporkan dua kali setahun menggunakan templat yang sama. Petunjuk Prestasi (PI) seperti pencapaian OK, data, statistik dan maklumat yang digunakan untuk mengukur prestasi secara khusus bagi memantau operasi serta pencapaian keseluruhan sistem untuk melaksanakan pembangunan dan penambahbaikan yang berterusan.

Pelaporan proses setiap OK merangkumi pendekatan, penyebaran, pembelajaran dan integrasi yang komprehensif. Manakala pelaporan hasil OK melalui SKP-OK merangkumi, sasaran, pencapaian semasa dan tren menggunakan kod warna, contohnya warna kuning bagi tindakan berterusan dan hijau bagi pencapaian yang telah tercapai. Setiap pencapaian dianalisis secara automatik ke kategori pencapaian sama ada, selesai, belum selesai atau belum tercapai sehingga tempoh sasaran muktamad pada tahun semasa atau tahun 2025 (sasaran GRU2025). Templat SKP-OK yang komprehensif ini telah digunapakai sejak tahun 2021 sebagai satu **inovasi proses kerja** bagi pengumpulan data dan maklumat melalui medium dalam talian menggunakan aplikasi *Google Sheet (act)*.

UiTMCP optimis dalam melaksanakan proses memilih, mengumpul, menjarar dan mengintegrasikan data dan maklumat secara kolektif serta memastikan kebolehpercayaan dan ketersediaan dalam format yang mesra pengguna. Untuk mengetahui kedudukan sebenar UiTMCP dalam pasaran, maka data **perbandingan** dan **maklumat pesaing** yang relevan dikenalpasti contohnya kampus cawangan yang menawarkan program yang sama dengan UiTMCP, Universiti Awam dan Swasta dalam negeri Perak serta organisasi lain yang diiktiraf melaksanakan amalan terbaik.



## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengukuran skor PI I-UiTM bagi UiTMCP adalah sistematik dan setiap pendekatan ditakrifkan dengan tepat, diperoleh melalui proses yang konsisten, dan dianalisis untuk memahami elemen dalam kawalan atau di luar kawalan pengendali sistem (L4-2a). Bagi tahun 2022, sebanyak 60 sasaran adalah berkaitan PdP secara langsung yang telah diselaraskan dengan 34 OK yang dilaporkan dalam SKP-OK. Sumber data SKP-OK disalurkan dari prestasi pelbagai proses yang komprehensif dan terperinci (L4-2b).

Sumber data pelajar seperti profil pelajar dijana oleh pihak HEA daripada *Students Information Systems (SIMS)*. Berpandukan data dari SIMs, pihak HEA mengeluarkan pelunjuran pengambilan pelajar baru sepenuh masa setiap 5 tahun. SIMs juga digunakan untuk menjana hasil pencapaian pelajar secara individu dan keseluruhannya setelah prestasi pelajar dimuatnaik oleh para pensyarah melalui eRES. Maklumat prestasi pencapaian akademik pelajar dinilai berdasarkan **6 KPI peperiksaan**. Perincian 6 KPI yang diukur adalah proses kolektif yang disumbangkan oleh semua program akademik yang dijalankan di UiTMCP dan tertakluk kepada tahap pengajian iaitu, diploma, sarjana muda, sarjana dan PhD (L4-2c).

Indikator kecemerlangan akademik melalui peperiksaan telah disokong oleh proses yang sistematik yang diukur tahap keberkesannya melalui *Students Entrance and Exit Survey (EES)*, CDL-CQI dan OBE-SCL yang disediakan oleh setiap pensyarah bagi setiap kumpulan kod kursus yang diamanahkan kepada mereka pada setiap semester (Rajah 1 dan 2 - L4-2d). Maklumat ini dimuatnaik dan diakses melalui sistem *uFUTURE* dan tahap kebolehcapaian terhadap data dan maklumat tertakluk kepada bidang kuasa sama ada pensyarah, pensyarah yang bertanggungjawab (PIC) bagi setiap kod kursus, pensyarah sumber (RP), AJK NOBLE bagi OBE dan Koordinator Program. Pendekatan ini adalah sebahagian daripada proses pengurusan maklumat yang berintegriti.

**Keberkesanan pengajaran akademia** diukur secara komprehensif. Penilaian daripada pelajar terhadap akademia diukur melalui SuFO dan SLEQ, Indikator penilaian pensyarah melalui SuFO adalah pada tahap profesionalisme pensyarah pada **Bahagian B dengan 7 item soalan** yang relevan (Rajah 3 - L4-2d). Melalui SuFO juga dinilai persepsi pelajar terhadap keseluruhan kursus, aktiviti PdP dan infrastruktur. Selain itu, penilaian tahap profesionalisme pensyarah oleh panel penilai dikalangan pensyarah kanan yang dilantik oleh pihak HEA turut diukur menggunakan mekanisme PRO-PENS yang dijalankan pada setiap semester beserta penilaian sendiri - *Teaching Evaluation Self-Assessment (TESA)*. Penilaian secara kolektif 360° - *Teaching Effectiveness Index (TEX)* adalah rangkuman SuFO, PRO-PENS dan TESA (L4-2d).

Bagi mengukur **kecemerlangan kompetensi akademia**, MyATP merangkumi pemetaan ATP-LNPT dinilai setiap hujung tahun dengan penilaian yang komprehensif merangkumi aspek kesarjanaan akademia iaitu pencapaian pengajaran, penyeliaan, penyelidikan, penerbitan, inovasi, perundingan, pentadbiran, dan perkhidmatan. Penggunaan Sistem MyATP melibatkan seramai 670 staf akademik mengikut empat 4 trek ATP iaitu Kepimpinan Institusi, Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan, dan Pengamal Industri.

Pengukuran **keberkesanan program akademik** yang ditawarkan di UiTMCP pula dilaksanakan melalui semakan kurikulum komprehensif setiap 3 ke 5 tahun sekali bergantung kepada program. Kriteria semakan merangkumi kajian pasaran, analisis pencapaian OBE-SCL, pencapaian PEO-PLO dan analisis IDSPA. Pengukuran melalui Penilaian Kendiri Program (PSRR) pada setiap tahun pula bagi mengukur kadar pematuhan kepada COPPA. Pendekatan pengukuran komprehensif dari semua aspek bertujuan memantapkan bidang tumpuan UiTMCP dalam PdP. Program akademik yang ditawarkan di UiTMCP kekal koheren, relevan, berkualiti, diiktiraf dan selari dengan keperluan semasa.

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_A01\\_AB02\\_20231\\_L4-2a Sistem Pelaporan SAP Pi I-UiTM.pdf](#)
2. [K0017\\_A01\\_AB02\\_20232\\_L4-2b Skor Kad Pelaporan Objektif Kualiti \(SKP-OK\) UiTMCP.pdf](#)
3. [K0017\\_A01\\_AB02\\_20233\\_L4-2c Pengukuran 6 KPI Peperiksaan Akhir bagi Diploma dan Sarjana Muda.pdf](#)
4. [K0017\\_A01\\_AB02\\_20234\\_L4-2d Penilaian Pelaksanaan Proses OBE.pdf](#)
5. [K0017\\_A01\\_AB02\\_20235\\_L4-2e Teaching Effectiveness Index \(TEX\) UiTMCP 2022.pdf](#)

### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pemilihan data yang dikumpulkan adalah berdasarkan keperluan pengukuran bidang tumpuan UiTMCP iaitu PdP dan semua data yang menyokong keberkesanan proses dan kualiti penyampaian perkhidmatan PdP kepada pelanggan iaitu para pelajar dan penyampai perkhidmatan iaitu para akademik serta sistem yang digunakan untuk memantapkan pelaksanaan PdP termasuk sistem sokongan.

Data pencapaian inisiatif SAP dikumpulkan secara berkala 4 kali setahun dan dimuatnaik ke sistem UePMO yang berikutnya dianalisis menggunakan sistem *powerbi.com*. Data kemajuan dan sumbangan setiap bahagian, fakulti, jabatan terhadap inisiatif SAP dianalisis setiap 3 bulan oleh PSTU (Rajah 1 - L4-3a). Data perbandingan bagi pencapaian SAP digunakan untuk menilai kedudukan UiTMCP dalam keseluruhan sistem UiTM. Data pencapaian kampus cawangan yang digunakan termasuk UiTM Cawangan Sarawak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan UiTM Cawangan Perlis (Rajah 2, L4-3a). Pemilihan data pesaing yang terhampir ini berdasarkan PI I-UiTM yang sama dengan UiTMCP dan perbandingan dilaksanakan setahun sekali. Pengukuran pencapaian SAP di UiTMCP menjadi fokus utama dalam penilaian prestasi dan pengiktirafan yang telah berjaya diraih. Data yang diperolehi dari setiap PTJ dikumpulkan dengan teliti dan dianalisis dengan saksama untuk memastikan setiap pencapaian dinilai dengan mendalam.

Data pencapaian OK yang direkodkan melalui SKP-OK secara berkala 2 kali setahun dan dianalisis secara automatik prestasi setiap PTJ yang diamanahkan untuk merealisasikan OK tertentu, contohnya HEA bertanggungjawab ke atas OK berkaitan proses dan pencapaian PdP, keputusan peperiksaan, lulus dan gagal dalam peperiksaan, GOT dan seumpamanya. Data dikumpul setiap semester pengajian menggunakan uFUTURE, eRes dan SIMS. Analisis dalaman dilaksanakan setiap kali peperiksaan di peringkat jabatan oleh para pensyarah, fakulti, Mesyuarat JAN dan seterusnya disahkan di peringkat SENAT. Analisis jurang bagi KPI peperiksaan dilaksanakan untuk menilai pencapaian tertinggi dan terendah bagi tujuan perkongsian pengetahuan.

Manakala data perbandingan dengan pesaing yang relevan dianalisis setahun sekali oleh UPK. Contohnya data pencapaian GOT dan GE bagi UiTMCP dibandingkan dengan tahap pencapaian semasa UiTM Sarawak, UiTM Perlis dan UiTM Kelantan. Pemilihan data pesaing yang relevan ini berdasarkan penawaran program akademik yang hampir sama dengan UiTMCP. Sumber data dan maklumat yang sahih diakses oleh kepimpinan kanan UiTMCP yang menghadiri mesyuarat di peringkat SENAT dan maklumat daripada pihak BTU. Data perbandingan adalah elemen utama semakan KPI untuk menilai pencapaian UiTMCP dan tahap pencapaian OK di kalangan pesaing yang relevan.

Pihak PJIM&A diamanahkan untuk menyelaras dan merealisasikan proses dan pencapaian para akademik seperti penulisan dan penerbitan (Rajah 1 - L4-3b), perolehan geran penyelidikan, khidmat masyarakat dan alumni. Data dimuat naik oleh para akademik sepanjang tahun menggunakan sistem PRIME yang dijana secara automatik ke sistem MyATP bagi memudahkan proses penilaian kecemerlangan pensyarah setiap hujung tahun oleh Ketua Jabatan dan dipantau oleh Bahagian Pentadbiran. Markah penilaian akhir yang muktamad boleh diakses oleh setiap pensyarah melalui *staf portal* dan sistem HR2U.

UPK mengadaptasi pendekatan holistik untuk mengukuhkan petunjuk yang dilaporkan dalam SPK-OK (L4-3c). Setiap indeks prestasi (PI) yang telah ditetapkan dipenuhi dengan mempertimbangkan arah hala tuju dan matlamat strategik universiti serta UiTMCP. Proses memilih, mengumpul menjajarkan dan menganalisis data dan maklumat dilaksanakan oleh PTJ menggunakan sistem secara sistematik untuk memantau operasi kerja dan sistem kerja dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian UiTMCP



**GENERAL POINT:**

1. [K0017\\_A01\\_AB03\\_20231\\_L4-3a Pembentangan Pencapaian Proses SAP UiTMCP Setiap Sukuan 2022.pdf](#)
2. [K0017\\_A01\\_AB03\\_20232\\_L4-3b Pencapaian Penerbitan Kampus Cawangan UiTM.pdf](#)
3. [K0017\\_A01\\_AB03\\_20233\\_L4-3c Sampel Pelaporan Pencapaian OK UiTM melalui SKP-MKSP.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Warga UiTMCP sangat aktif dalam membantu meningkatkan kualiti serta melaksanakan penambahbaikan dengan mengambil kira punca permasalahan bagi menghalang kelemahan berulang. Pemantauan pelaksanaan inisiatif SAP dan pencapaian PI dibincangkan dan direkodkan dalam mesyuarat secara berperingkat dimulai dengan Mesyuarat Jawatankuasa dan seterusnya dibincangkan dalam MKSP (L4-4-1a). Bagi sasaran PI yang telah tercapai, pihak pengurusan UiTMCP berkongsi amalan terbaik dalaman dengan bahagian lain. Bagi sasaran PI yang masih belum tercapai, langkah intervensi dicadangkan bagi memastikan sasaran PI dicapai.

Hasil penganalisaan data pencapaian OK dibentangkan dalam MKSP (L4-4-1b). Bagi sasaran OK yang telah dicapai, pengurusan UiTMCP menetapkan sasaran baharu yang lebih berdaya maju sesuai dengan kemampuan dan dipersetujui oleh PTJ. Hasil pencapaian dalam mesyuarat disebar luas oleh ketua bahagian berkenaan kepada warga jabatan. Bagi OK yang belum tercapai, langkah intervensi proaktif dilaksanakan supaya ia dapat menepati sasaran. Usaha pemantauan tindakan intervensi berterusan dan berkesan dilaksanakan. Hasil pemantauan ini digunakan untuk mengkaji semula pelan tindakan terhadap OK yang merangkumi pencapaian PdP melalui sistem-sistem pemantauan PdP yang dilaksanakan (L4-4-1c).

Maklumbalas pelanggan juga dianalisis melalui 2 peringkat iaitu peringkat bahagian yang dibentangkan dalam mesyuarat bahagian dan peringkat UiTMCP yang dibentangkan di MKSP yang dipengerusikan oleh Rektor dan dihadiri oleh semua Pengurusan Eksekutif dan Ahli MKSP dikalangan pentadbir akademik yang terpilih. Analisis aduan pelanggan dikategorikan mengikut SOP Pengendalian Aduan dan Tahap Kepuasan Pelanggan (L4-4-1d). Aduan dan maklum balas pelanggan diterima daripada pelanggan melalui saluran kaunter perkhidmatan, sistem e-aduan, media massa dan lain-lain dan kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat JKEN. Keputusan daripada kajian ini dibentangkan dalam mesyuarat *post-mortem* yang diadakan setelah selesai dan seterusnya dibentangkan dalam MKSP.

Proses pemantauan dan penambahbaikan PTJ dinyatakan dalam maklumbalas Log Tindakan hasil pemantauan Audit Dalam dan keputusan MKSP. PTJ melaksanakan tindakan penambahbaikan berdasarkan penemuan audit bagi mencapai PI jabatan dan bahagian. Log Tindakan MKSP digunakan sebagai mekanisme untuk merekod segala tindakan yang diambil sama ada berstatus selesai, belum selesai atau berterusan (L4-4-1e). Respon terhadap tindakan disahkan melalui audit susulan yang dijalankan 2 minggu selepas Laporan Audit Dalam dibentangkan dalam mesyuarat penutup audit. Segala pelaporan dan hasil analisis disalurkan dan dikongsi kepada semua PTJ berkaitan bagi memastikan tindakan pembetulan berterusan dilaksanakan selepas laporan eksekutif diluluskan

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20231\\_L4-4-1a Minit Mesyuarat MKSP Ke-34 Bil. 2-2022.pdf](#)
2. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20232\\_L4-4-1b Laporan Pencapaian PI 2022.pdf](#)
3. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20233\\_L4-4-1c Sistem Pemantauan PdP.pdf](#)
4. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20234\\_L4-4-1d Butiran Aduan Dan Maklum Balas Pelanggan.pdf](#)
5. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20235\\_L4-4-1e Log Tindakan MKSP Bil. 2 2022.pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko di UiTMCP dilaksanakan selaras dengan Polisi Pengurusan Risiko UiTM bagi mengenalpasti jenis risiko, tahap analisis risiko dan mitigasi risiko (L4-4-2a). Risiko dikenalpasti secara keseluruhan melalui proses pemantauan jenis risiko bagi menghindari berlakunya perkara-perkara luar jangka terutamanya melibatkan PdP di kampus yang boleh mengundang risiko keselamatan dan kesihatan manusia. Peranan ini dilaksanakan oleh UPR UiTMCP terdiri daripada PE dan ketua PTJ, yang bertanggungjawab mengumpul dan mendaftarkan risiko-risiko yang diketengahkan oleh setiap PTJ melalui Sistem e-RMS. Seterusnya, risiko tersebut dianalisis berdasarkan kadar impak dan tahap risiko. Seterusnya langkah mitigasi dilaksanakan bagi mencegah tahap risiko ke arah yang lebih memudaratkan. Pelaksanaan tindakan pencegahan dan pembetulan dilakukan merupakan hasil daripada tindakan pencegahan dan pengurangan terhadap risiko.

Penubuhan JKKPN dan JPR bertanggungjawab melaksanakan audit risiko, pemantauan keselamatan, aduan kemalangan dan kesihatan termasuk fizikal bangunan, infrastruktur, susun atur dan kebersihan. UiTMCP sentiasa memastikan setiap risiko daripada setiap jabatan, unit, fakulti dan pejabat melalui proses pengurusan risiko yang dimulakan dengan mengenalpasti risiko, menjalankan analisis tahap risiko melalui SWOT analisis dan didaftarkan dalam Daftar Risiko (L4-4-2b). Ia signifikan untuk mengukuhkan tindakan pembetulan yang dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti PdP ke arah mencapai 'Globally Renowned University 2025'.

Tumpuan kepada risiko operasi dan kewangan terutamanya melibatkan PdP UiTMCP dikenalpasti. Antaranya risiko nisbah pelajar dan pensyarah tidak memenuhi keperluan MQA dan Badan Profesional. Risiko waran yang terhad, sejurus boleh menjejaskan penyampaian PdP. Berdasarkan penilaian, risiko strategik UiTMCP berada di tahap sederhana, punca utamanya adalah kekurangan sumber manusia dan kewangan. Manakala, risiko operasi dan kewangan di tahap ekstrim, disebabkan sumber kewangan tidak mencukupi, enrolmen pelajar melebihi unjuran, pertambahan program akademik baru, serta keutamaan keperluan kepada penyelenggaraan bangunan dan peralatan. Namun begitu, UiTMCP menyediakan pelan tindakan pengurusan risiko yang telah didaftarkan dalam daftar risiko, dibincangkan dalam mesyuarat risiko yang diadakan 2 kali setahun serta dibentangkan di MKSP 2 tahun sekali (L4-4-2c).

Segala hasil dapatan diserahkan kepada setiap PTJ yang terlibat untuk tujuan tindakan pembetulan dan penambahbaikan. KUPK memantau tindakan susulan yang diambil oleh PTJ berkenaan cadangan yang telah dinyatakan oleh JKKPN. Penyebaran maklumat berkenaan pengurusan risiko dan keselamatan turut dilaksanakan bagi memastikan semua warga UiTMCP peka terhadap persekitaran dan isu semasa.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20231\\_L4-4-2a Polisi Pengurusan Risiko UiTM.pdf](#)
2. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20232\\_L4-4-2b Daftar Risiko 2022 UiTMCP.pdf](#)
3. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20233\\_L4-4-2c Ringkasan Laporan JKKPN 2022-2023.pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCP melaksanakan proses peningkatan penambahbaikan prestasi melalui proses pembetulan dan tindakan pencegahan bagi setiap dapatan yang dibentangkan oleh PTJ melalui mesyuarat MPD/JAN/MKSP dan melalui dapatan audit (L4-4-3a). Tujuan pembentangan dapatan dalam mesyuarat adalah untuk verifikasi tindakan yang perlu diambil agar ia sejajar dengan keperluan pengurusan kualiti. Selain itu, tindakan pembetulan dan pencegahan dibincangkan agar keberkesanan penambahbaikan PdP dan kepuasan hati pelanggan dapat dilaksanakan. Berdasarkan prosedur tindakan pembetulan melalui MKSP, aduan maklumbalas pelanggan dan laporan analisis risiko dibentangkan dan seterusnya arahan tindakan pembetulan risiko berkaitan dikeluarkan. Pegawai Penyiasat akan dilantik sekiranya perlu untuk menjalankan siasatan dan menerima serta meneliti cadangan dari PP berkenaan tindakan pembetulan yang perlu dilaksanakan. Seterusnya setiap PTJ terlibat bertanggungjawab melaksanakan tindakan pembetulan dan mengemaskini risiko yang didaftarkan dalam MKSP supaya rekod kualiti melalui laporan aduan maklumbalas pelanggan mahupun Laporan Analisis Risiko dapat disimpan untuk rujukan pelbagai pihak berkaitan.

UiTMCP sentiasa memastikan sebarang kepatuhan atau kecacatan terhadap sistem pengurusan kualiti tidak akan berlaku. Prosedur tindakan pencegahan diamalkan bagi menghalang ketidakpatuhan ataupun kecacatan yang boleh mengganggu kelancaran sistem UiTMCP yang merangkumi komponen sumber manusia, peralatan dan mekanisme kerja UiTMCP. Akademia atau tenaga pensyarah adalah satu elemen sistem yang sangat penting bagi UiTMCP yang menyokong gerak kerja secara langsung mahupun tidak dalam pengurusan PdP terutamanya.

Bagi pengurusan risiko-risiko yang didaftarkan berkaitan PdP misalnya risiko waran terhadap tindakan penambahbaikan dilaksanakan UiTMCP seperti mengoptimumkan sumber manusia sedia ada dengan konsep gunasama kepakaran, perlantikan PTFT dan pensyarah gred DM53/DM54/VK7 serta menggalakkan perkhidmatan atas talian dilihat sebagai jalan keluar (L4-4-3b). Penambahbaikan fasiliti PdP seperti peralatan dan ruang melalui pelan pencegahan penyelenggaraan berjadual dan pembaikan, serta Audit Ruang memberi impak terhadap kepuasan pelanggan dalam menyediakan suasana PdP yang kondusif (L4-4-3c). Hasil daripada aduan pelanggan yang diterima dari pelbagai mekanisme, PE mengeluarkan arahan tindakan pencegahan yang perlu dilaksanakan dan seterusnya JPR mengenalpasti risiko untuk dilaporkan dalam Laporan Tindakan Pencegahan. Cadangan Pelan Tindakan disenaraikan dalam laporan turut dibentangkan oleh Penyelaras Risiko. Arahan dikeluarkan kepada PTJ berkaitan bagi menjalankan tindakan pencegahan berpandukan prosedur berkaitan, sejurus melaksanakan arahan dan dipantau perkembangannya mengikut langkah pencegahan tindakan yang sewajarnya. Ini merupakan antara tindakan ke arah penambahbaikan prestasi bagi mencapai PI universiti.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20231\\_L4-4-3a Laporan Audit Dalam 2022 UiTMCP.pdf](#)
2. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20232\\_L4-4-3b Penilaian & Pencapaian OK\\_Pejabat Pentadbiran UiTMCP.pdf](#)
3. [K0017\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20233\\_L4-4-3c Penilaian & Pencapaian OK\\_Pejabat Infostruktur UiTMCP.pdf](#)

#### 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTMCP memanfaatkan hasil penganalisaan data yang menyokong kemampuan pelaksanaan bidang tumpuan PdP untuk penambahbaikan dan mengelakkan kelemahan berulang. Inovasi pengaplikasian **SKP-OK merupakan satu mekanisme pengumpulan data dan maklumat yang sangat sistematik dan komprehensif**. SKP-OK memudahkan proses penilaian prestasi PTJU dan PTJP serta proses penganalisaan data dan pengurusan pengetahuan kerana templat yang sama digunakan untuk memperincikan keseluruhan proses (ADLI) untuk mencapai setiap OK di UiTMCP. Prestasi pencapaian dilengkapi maklumat hasil semasa berbanding sasaran dan tren terkini.

SKP-OK adalah inovasi templat pelaporan OK dalam MKSP yang digunakan sejak tahun 2010, asalnya menggunakan templat *power point*. SKP-OK yang diperkenalkan pada tahun 2021 menggunakan *googlesheet* yang boleh diakses oleh setiap PTJU. Pada tahun 2022, **integrasi proses telah dikembangkan dimana akses dibuka kepada PTJP** dan setiap pelapor boleh **mengintegrasikan bahan bukti** pelaksanaan setiap inisiatif OK dengan berkongsi pautan dokumen asal dalam *google drive* PTJP. Bagi menjamin ketepatan, setiap dokumen penting yang mempunyai tarikh gunapakai hanya boleh disemak oleh PTJP kerana dokumen ini disimpan dan dikawal rapi oleh bahagian masing-masing bagi menjamin keselamatan dan kerahsiaan dokumen tersebut.

Inovasi SKP-OK, bukan sahaja memudahkan proses pengumpulan data dan maklumat hasil pencapaian bagi OK, ia juga mempercepatkan masa MKSP dijalankan kerana pembentangan setiap PTJU dan PTJP lebih jelas dan bersasar. Manakala perbincangan proses intervensi bagi OK yang belum tercapai lebih jelas kerana lebih waktu diperuntukkan untuk perkongsian amalan terbaik dari jabatan dan bahagian lain di UiTMCP. Seterusnya, tindakan yang diambil dinyatakan secara terperinci melalui Log Tindakan MKSP (L4-5a).

Pengaplikasi inovasi SKP-OK turut memudahkan proses Audit Dalam dan Audit Luar seperti Audit Lokasi, Audit Akreditasi. Proses penilaian penilai luar menjadi lebih mudah kerana SKP-OK adalah sangat mesra pengguna dan mudah difahami. Maka penambahbaikan PdP berdasarkan hasil audit yang menjurus kepada keakuratan kepada prosedur menjadi lebih mudah seterusnya membantu UiTMCP untuk mencapai semua PI dan OK yang disasarkan (L4-5b).

UiTMCP memastikan sumber daya manusia khususnya pensyarah adalah mencukupi untuk PdP yang berkesan serta pengurusan yang efisien. UiTMCP mengatasi cabaran nisbah pelajar, pensyarah, dan staf pentadbiran dengan mendigitalisasi penyampaian PdP dan mencari alternatif medium (L4-5c). UiTMCP juga mengoptimumkan sumber manusia melalui gunasama kepakaran, pelantikan PTFT, dan penyediaan perkhidmatan atas talian disertai dengan usaha berterusan dalam memperbaiki fasiliti PdP melalui pelan pencegahan dan audit ruang.

Integrasi kepakaran antara akademik dalam dan luar negara serta pengamal industri melalui jaringan MoU/MoA sejak tahun 2016 memperkasa PdP UiTMCP yang sedang menuju ke arah 'Globally Renowned University 2025' (L4-5d). Pembudayaan kolaborasi tersebut dilaksanakan di peringkat dalam dan luar negara melalui inisiatif program seperti CGCT yang membolehkan kerjasama bersama akademik dan pengamal industri sebagai penceramah jemputan, panel penilai, dan konsultasi mengikut kesesuaian program serta bidang kepakaran masing-masing.

Hasil keberkesanan kolaborasi dan jaringan tersebut memberi impak kepada tahap penglibatan dan aktiviti pelajar di peringkat universiti dan industri dalam negara hingga ke tahap antarabangsa. (L4-5e). Kesepaduan ini memberi ruang untuk pertumbuhan dan pembangunan yang mampan, merangsang pertukaran idea dan pengetahuan, serta membantu mencapai matlamat pembangunan strategik universiti dengan lebih berkesan serta dihayati oleh semua warga yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung bagi merealisasikan kecemerlangan bidang tumpuan UiTMCP.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_A01\\_AB05\\_20231\\_L4-5a Contoh Petikan Log Tindakan MKSP Bil.2-2021.pdf](#)
2. [K0017\\_A01\\_AB05\\_20232\\_L4-5b Surat Pematuhan CDL-CQI.pdf](#)
3. [K0017\\_A01\\_AB05\\_20233\\_L4-5c Penilaian & Pencapaian OK\\_Pentadbiran – 12\(a\).pdf](#)
4. [K0017\\_A01\\_AB05\\_20234\\_L4-5d Senarai MoU Dan MoA UiTM Cawangan Perak - Universiti Antarabangsa dan Industri.pdf](#)
5. [K0017\\_A01\\_AB05\\_20235\\_L4-5e Kertas Kerja 'Student Online Exchange Program \(International Credit Transfer\) UiTM-UNISA.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCP cekap dalam memperkasakan pengurusan sumber manusia yang kompeten dan holistik. Komponen utama tenaga kerja UiTMCP dalam PdP yang terdiri daripada akademia, staf pentadbiran daripada kumpulan pengurusan dan profesional serta staf sokongan telah memperkukuh tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan akademik. Dalam mencapai kecemerlangan PdP, proses menggembelng sumber manusia UiTMCP termasuk perancangan (*Plan*), pelaksanaan (*Do*), pemantauan (*Check*) dan tindakan penambahbaikan (*Act*) telah giat dilaksanakan.

Secara ringkasnya, perancangan (*Plan*) tenaga kerja telah dilaksanakan melalui pendekatan 16 SAP atau *UiTM 2025 Department Project* yang diperturunkan kepada setiap PTJU UiTMCP. Bagi menjayakan tema strategik kecemerlangan bakat, UiTMCP mengambil pendekatan optimistik dengan menggalakan tenaga kerja menjadi ahli profesional yang berdaftar dengan badan-badan profesional berkaitan. Pendekatan ini telah mengangkat nilai prestasi tenaga kerja UiTMCP yang menjadi sumber pakar rujuk selain mempertingkatkan kesarjanaan akademia melalui inisiatif 2P-Booster. UiTMCP juga menyokong penuh kecemerlangan bakat melalui penyertaan warga kerjanya dalam kursus-kursus pensijilan profesional diiktiraf yang berimpak tinggi.

Pada peringkat pelaksanaan (*Do*) atau perluasan kepakaran, UiTMCP mengoptimakan pengurusan sumber manusia melalui inisiatif *UiTM 2025 Department Project* yang telah menyokong program-program pemindahan ilmu kepada rakan-rakan strategik. UiTMCP mengambil pendekatan pengembangan potensi kecemerlangan bakat dan pengurusan bekerja secara *extensive*. Pemerkaasaan operasi akademik di UiTMCP telah diperkukuhkan dengan pengembangan kepakaran staf akademik dan pentadbiran yang mendapat pengiktirafan sebagai ahli profesional yang berdaftar dengan badan profesional. Warga akademik berkeelayakan PhD dan berpengalaman luas turut dilibatkan sebagai tenaga pengajar program pasca siswazah (*homegrown program*) sekaligus melestarikan kesarjanaan akademia yang mendokong falsafah pendidikan berkualiti. Program-program pemindahan ilmu di peringkat dalaman telah dilaksanakan secara meluas menerusi sesi-sesi perkongsian pengetahuan. Penglibatan warga kerja di semua peringkat dalam program-program pemindahan teknologi telah memberikan impak perluasan ilmu pengetahuan tentang teknologi baru di kalangan staf dan dapat dimanfaatkan oleh komuniti setempat.

Pada peringkat pemantauan (*Check*), UiTMCP terus komited memastikan persekitaran kerja yang produktif pada tahap terbaik. Petunjuk kepuasan hati pelanggan dapat dinilai melalui survei berkaitan penyampaian perkhidmatan UiTMCP kepada warganya seperti penilaian terhadap perkhidmatan perpustakaan, fasiliti dan kebersihan kampus, kemudahan infostruktur serta kaunter khidmat pelanggan. Ketersediaan infrastruktur dan infostruktur yang mampan adalah sangat penting dalam mewujudkan sistem kerja yang produktif. Sistem kerja yang produktif juga dapat meningkatkan motivasi warganya dalam memberikan perkhidmatan akademik berkualiti kepada pelanggan dan pemegang taruh UiTMCP. Komitmen warga kerja UiTMCP juga diterjemah melalui penyertaan aktif dalam kursus, latihan, penyelidikan, penulisan, dan penerbitan manakala pelan pengurusan risiko operasi UiTMCP yang holistik dan mampan dapat dilihat menerusi pelaksanaan daftar risiko, Mesyuarat Pengurusan Risiko secara berkala, perlantikan jawatankuasa penilaian sumber manusia dalam bidang tumpuan serta dapatan-dapatan risiko yang dibentangkan dalam MKSP, MKA dan JKA demi memastikan kelangsungan perkhidmatan akademik UiTMCP. Pengurusan risiko dengan objektif yang jelas dalam mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan pengurusan sumber manusia, mengoptimakan sumber manusia sedia ada dan mengenal pasti akademia yang layak untuk memohon kenaikan pangkat.

Pada peringkat penambahbaikan (*Act*), pembudayaan inovasi sumber manusia telah melahirkan keterampilan dan kebolehdayaan tenaga manusianya. Bagi memastikan sasaran

komposisi kepakaran akademik kekal lestari, UiTMCP telah melaksanakan strategi pelan penggantian holistik (*succession plan*), *i-DART Booster* dan inisiatif *Neo-Entity* disamping tenaga kerja UiTMCP sedia kompeten dalam memanfaatkan teknologi baharu.



## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Selari dengan teras strategi kecemerlangan global, UiTMCP konsisten membangunkan kecemerlangan tenaga kerjanya melalui pendekatan **UiTM 2025 Department Project** yang merangkumi 16 *Strategic Action Plan* (SAP) yang diagihkan kepada semua PTJU UiTMCP. Pelbagai program dan inisiatif telah dijalankan bagi menjayakan objektif, visi, misi dan PI yang telah ditetapkan (L5-2a). Kejayaan **departmental projects** ini dipacu oleh pembangunan, implementasi, penilaian dan pemantauan strategi komponen warga kerja UiTMCP yang progresif.

Bagi memperhebat operasi akademik, UiTMCP juga turut mengambil **pendekatan 2P Booster (PhD/Professional)** (L5-2b) bagi memberi galakan kepada akademia untuk keserjanaan PhD dan ahli profesional yang berdaftar dengan badan profesional. Ia juga merupakan indikator sasaran dalam OK 12(d) UiTMCP bagi meningkatkan nilai tambah warga sebagai pakar rujuk dan runding di pelbagai peringkat organisasi selain menambahkan ruang dan peluang dalam penilaian kenaikan pangkat. Staf akademik DM45 dan DM52 yang berkhidmat dalam tempoh 10 tahun ke atas disarankan mendapatkan PhD dan menjadi ahli profesional melalui klinik-klinik kenaikan pangkat yang dianjurkan oleh Pejabat Pentadbiran UiTMCP. Bagi menyemarakkan usaha ini, UiTMCP giat mempromosi penawaran program seperti **PhD in Design and Built Environment (AP992)** (*homegrown program*) dan meluaskan penawaran program PhD **sediada sebagai inisiatif meningkatkan bilangan akademia menyambung pengajian di peringkat PhD di UiTMCP** (L5-2c).

UiTMCP dalam usaha mencapai *global competence* GRU2025 melalui pendekatan akademia berpotensi global, UiTMCP turut memperkasa **jawatan Koordinator Unit Hal Ehwal Antarabangsa, (KUHA) sebagai suatu pendekatan dalam eksplorasi kolaborasi bersama rakan strategik universiti antarabangsa dan outbound, inbound** kepada pelajar, pensyarah dan staf (L5-2d). Pewujudan perjawatan ini dapat memudahkan pemantauan dan pencapaian kualiti dan urustadbir yang berkesan.

UiTMCP menggalakan tenaga kerjanya untuk menyertai kursus pensijilan berimpak tinggi bagi menambahkan kemahiran, pengetahuan serta nilai tambah warganya. Antaranya adalah seperti **Certified Human Resource Manager** (CHRM) dan **Certified Disability Management Professional** (CDMP)(L5-2e) bagi memastikan strategi pengurusan sumber manusia dan penyampaian perkhidmatan akademik khususnya dapat dirangka dengan cekap tanpa meminggirkan kumpulan inklusif yang turut terdiri dalam kalangan tenaga kerja UiTMCP.

**Pendekatan Publication Mentoring** iaitu bimbingan daripada mentor yang berpengalaman membantu para akademia dalam menerbitkan penerbitan yang berimpak tinggi. Ia menyerlahkan lagi **ketampakan jaringan kolaborasi antara akademia dengan institusi pendidikan/industri/komuniti tempatan dan antarabangsa** merentasi bidang pengajian yang berteraskan tujuhan dan kepakaran.

Bagi mencapai hasrat melahirkan mahasiswa cemerlang di pelbagai bidang dan peringkat, UiTMCP juga mengorak langkah **proaktif dengan menyediakan kemahiran kepada komponen tenaga kerja bagi program SULAM yang diintegrasikan dalam kod kursus ko-kurikulum mahupun program akademik perdana** Program-program ini turut melibat perkongsian pengetahuan kepada komuniti (L5-2e) serta menyediakan kaedah pembelajaran *community-based learning* kepada mahasiswa.

UiTMCP terus komited dalam menghargai warga kerjanya. Anugerah Akademik Universiti (AAU) 2022 misalnya telah mempertaruhkan 16 kategori anugerah bagi menghargai warga akademia. Antara anugerah yang dipertandingkan adalah seperti Anugerah Kepimpinan Akademik, Anugerah Pengajaran, Anugerah e-Pembelajaran serta Anugerah MOOC terbaik dan lain-lain lagi. Ini bagi menghargai kecemerlangan bakat akademia sebagai penghargaan dan motivasi kepada akademia untuk memberikan perkhidmatan akademik yang terbaik. Anugerah dan pengiktirafan juga telah diberikan dalam program-program HITEL serta anugerah-anugerah lain seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah

Pekerja Contoh Bulanan sebagai penghargaan kepada warga kerja UiTMCP.

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_S01\\_SB02\\_20231\\_L5-2a Senarai Projek Jabatan.pdf](#)
2. [K0017\\_S01\\_SB02\\_20232\\_L5-2b Pendekatan 2P-Booster.pdf](#)
3. [K0017\\_S01\\_SB02\\_20233\\_L5-2c Home-grown Program UiTM Cawangan Perak.pdf](#)
4. [K0017\\_S01\\_SB02\\_20234\\_L5-2d Perlantikan Koordinator Unit Hal Ehwal Antarabangsa.pdf](#)
5. [K0017\\_S01\\_SB02\\_20235\\_L5-2e Contoh Pensijilan Berimpak Tinggi dan Program SULAM.pdf](#)

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Inisiatif **UiTM2025 Department Project** telah menyokong program-program pemindahan ilmu kepada rakan-rakan strategik UiTMCP. Perkongsian idea untuk pengembangan ilmu di kalangan staf akademik adalah menggalakkan melalui penganjuran *Go Visible 2022 dan Ipoh International Summit on Professionalism, Research and Education (INSPIREd 2022)* (L5-3-a). Program *Go Visible 2022* telah memberikan impak yang besar selari dengan objektif program yang bertujuan untuk meningkatkan jaringan kolaborasi, pengisian aktiviti akademik bersama rakan di institusi pengajian antarabangsa secara virtual yang memberikan impak kepada para pelajar ke arah kompetensi global. Manakala, program-program *INSPIREd 2022* telah membina jaringan strategik baharu UiTMCP bersama industri tempatan dan antarabangsa. Tadbir Urus hal ehwal antarabangsa diperluaskan melalui pelantikan **Koordinator Unit Hal Ehwal Antarabangsa, (KUHA)**. Pelantikan ini menjadi platform bagi pengurusan *one stop centre* hal ehwal antarabangsa UiTMCP dan menjadi pemudah cara perluasan jaringan antarabangsa.

UiTMCP mengambil pendekatan pengembangan potensi kecemerlangan bakat dan pengurusan bekerja secara **extensive** melalui pendekatan *HRMultitask* dalam inisiatif *i-DART Booster*. Melalui pendekatan ini, UiTMCP mempunyai lebih ramai staf pentadbiran dalam skim perkhidmatan pentadbiran (N) hasil daripada pertukaran beberapa skim perkhidmatan kepada skim pentadbiran (N). Dengan skop tugas yang lebih luas, pelaksanaan pendekatan ini telah menyokong keperluan PdP beberapa kolej pengajian di UiTMCP.

Pemeriksaan operasi akademik di UiTMCP telah diperkukuhkan dengan **pengembangan kepakaran staf akademik dan pentadbiran melalui dana sokongan untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai ahli profesional yang berdaftar dengan badan profesional** seperti, MBOT, IGRSM, RISM, LAM, MIA, BQSM, BOVAEAP serta Lembaga Kaunselor (L5-3-b). Justeru, staf yang berkelayakan profesional boleh membuat tuntutan pembayaran yuran keahlian tahunan badan-badan profesional. Usaha ini telah dipergiatkan selaras dengan keperluan terkini semakan silibus dan perkembangan teknologi baru dalam aktiviti PdP.

**Warga kerja UiTMCP yang berkelayakan PhD dan berpengalaman luas turut dilibatkan sebagai tenaga pengajar program pasca siswazah (*homegrown program*)** sekaligus melestarikan keserjanaan akademik mendokong falsafah pendidikan berkualiti seperti yang digarap dalam Model Hala Tuju Strategik UiTM 2025. Penglibatan staf akademik dalam mengendalikan program pasca siswazah telah diperluaskan kepada akademik daripada pelbagai bidang (L5-3-c).

**Program-program pemindahan ilmu peringkat dalaman telah dilaksanakan secara meluas menerusi sesi perkongsian pengetahuan dalam kalangan warga kerja kampus.** Para akademik yang sering dirujuk oleh pihak luar dan aktif dalam penulisan dijemput untuk mengadakan sesi perkongsian ilmu dan kemahiran (L5-3-d). Selain itu, akademik yang telah mengikuti kursus atau membenteng kertas kerja dalam persidangan menggunakan peruntukan PPSM perlu melaksanakan sesi perkongsian bersama akademik yang lain.

**Inisiatif SULAM yang diintegrasikan dalam kod kursus kokurikulum dan akademik perdana juga diperluas kepada komuniti melalui kerjasama jaringan dan rangkaian rakan strategik seperti agensi-agensi kerajaan, swasta dan industri.** Inisiatif strategik ini diadaptasi melalui perkongsian ilmu dan kemahiran pengurusan program. **Penglibatan warga kerja di semua peringkat dalam program-program pemindahan teknologi** seperti pelaksanaan Projek Khidmat Masyarakat dan Pemindahan Teknologi Solar di sekolah-sekolah sekitar Daerah Perak Tengah dan komuniti setempat turut memberi impak terhadap kecemerlangan PdP (L5-3-e). Aktiviti tersebut telah memberikan impak perluasan ilmu pengetahuan tentang teknologi baru di kalangan staf dan dapat dimanfaatkan oleh komuniti setempat.

Kecemerlangan akademik UiTMCP bukan hanya dinobatkan di peringkat kampus sahaja. Ia

turut diperluaskan melalui pencalonan Anugerah Akademik UiTM dan Anugerah Akademik Negara bagi menghargai kecemerlangan akademik.

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_S01\\_SB03\\_20231\\_L5-3a Petikan Laporan Unit KTU dan ICAN UiTM Cawangan Perak.pdf](#)
2. [K0017\\_S01\\_SB03\\_20232\\_L5-3b Senarai Ahli-Ahli Profesional Berdaftar UiTM Cawangan Perak.pdf](#)
3. [K0017\\_S01\\_SB03\\_20233\\_L5-3c Senarai Pensyarah Team Teaching AP992 Semester Oktober 2022.pdf](#)
4. [K0017\\_S01\\_SB03\\_20234\\_L5-3d Senarai Program Unit Pengurusan Penyelidikan \(RMU\) UiTM Cawangan Perak Sepanjang Tahun 2022.pdf](#)
5. [K0017\\_S01\\_SB03\\_20235\\_L5-3e Gambar Projek Khidmat Masyarakat Dan Pemindahan Teknologi Solar \(Projek SULAM\).pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

UiTMCP komited memastikan persekitaran kerja yang produktif pada tahap optimum.

**Pengurusan sumber manusia UiTMCP yang efisien telah memberikan impak yang positif terhadap orientasi kepuasan hati dan komitmen warganya.** Petunjuk kepada tahap kepuasan hati tenaga kerja dapat dilihat melalui penilaian tenaga kerja terhadap perkhidmatan fasiliti seperti infrastruktur dan infostruktur, perkhidmatan kaunter serta perkhidmatan perpustakaan. Kesemua komponen ini dinilai pada skala kepuasan hati terbaik warganya terhadap persekitaran dan ekosistem kerjanya.

**Persekitaran infrastruktur fizikal yang kondusif di tempat kerja juga adalah sangat penting** bagi warga kerja UiTMCP agar sistem kerja yang produktif dapat diwujudkan.

Perkhidmatan fasiliti akademik merupakan antara perkhidmatan sokongan yang mendukung kelancaran aktiviti PdP dalam kampus. Penyediaan dan penyelenggaraan fasiliti akademik yang baik dan mencukupi seperti bilik kuliah, makmal, makmal komputer, studio, bengkel, *living lab*, *smart classroom*, *BYOD* dan ruang secara keseluruhannya mempengaruhi tahap kepuasan hati warga. Kebersihan kampus juga adalah penting dalam mewujudkan ekosistem persekitaran kerja yang sihat. Skor 100% kepuasan hati pelanggan terhadap kebersihan yang melebihi sasaran pada 90% (L5-4-1a) merupakan indikator pada tahap kepuasan hati warga kerja UiTMCP.

**Penyediaan perkhidmatan infostruktur juga merupakan perkhidmatan sokongan utama dalam memastikan kelangsungan aktiviti PdP.** Kebolehcapaian maklumat juga adalah antara indikator yang menjadi ukuran kepada tahap kepuasan hati pelanggan. UiTMCP telah mendigitalisasi perkhidmatan sumber manusia serta **penyampaian perkhidmatan akademik melalui kaedah pembelajaran hibrid dan ICT** yang memerlukan khidmat infostruktur yang mantap. Warga kerja UiTMCP konsisten memberikan Penilaian Tahap 5 (cemerlang) terhadap kebolehcapaian maklumat (L5-4-1b).

Komitmen warga kerja UiTMCP juga ditunjukkan melalui pencapaian **penyertaan kursus, pemantapan kemahiran dan latihan juga mencapai pencapaian hampir 100%**. Ini menunjukkan bahawa sokongan tidak berbelah bahagi warga UiTMCP dalam mengangkat martabat ilmu dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat. **Penyertaan yang tinggi barisan akademia dalam aktiviti penyelidikan yang disokong oleh pembiayaan geran dalaman juga adalah antara usaha memperkasa penyampaian perkhidmatan akademik.** Komitmen yang tidak berbelah bahagi sebagai suatu indikator kepuasan hati warganya juga dapat dilihat melalui penyertaan sebagai mentor-mentee akademia secara sukarela dalam aktiviti penyelidikan, penulisan dan penerbitan (L5-4-1c).

UiTMCP juga terbuka dalam menyediakan saluran aduan melalui pelbagai inovasi survei dalam menilai tahap kepuasan hati warganya dan dilaporkan dalam MKSP dan JKA sebagai langkah pemantauan terhadap persekitaran kerja.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20231\\_L5-4-1a Laporan Kepuasan Hati Pelanggan Terhadap Kebersihan Kampus.pdf](#)
2. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20232\\_L5-4-1b Laporan Kepuasan Hati Pelanggan Terhadap Capaian Kemudahan Internet.pdf](#)
3. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20233\\_L5-4-1c Senarai Peserta \(Mentor-Mentee\) Publication Mentoring @JBAT 2022.pdf](#)

- 4.
- 5.

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCP melaksanakan proses pengurusan risiko yang komprehensif dan sistematik melalui 3 proses utama iaitu **mengenalpasti**, **menilai** dan **mengurus risiko**. Ini bagi memastikan keberhasilan penyampaian perkhidmatan sumber manusia UiTMCP dan mengurangkan impak risiko dengan pelan mitigasi yang berkesan.

Antara **risiko yang dikenalpasti** melalui pemetaan sumber manusia bidang tumpuan kepada OK UiTMCP adalah **komposisi pensyarah dan staf pentadbiran kepada pelajar** sebagai pelanggan utama dalam penyampaian perkhidmatan pendidikan. Sasaran nisbah pelajar, pensyarah dan staf pentadbiran 15:1:1 harus dicapai UiTMCP menjelang tahun 2025 (L5-4-2a). Bagi menjamin kelestarian lanskap PdP, **risiko komposisi professor kepada pensyarah** juga telah dikenalpasti. UiTMCP terus mengorak langkah terkehadapan dengan mengambil cabaran nisbah professor dan pensyarah 1:25 menjelang tahun 2025 sebagai sasaran utama tadbir urus akademik. Selain itu **risiko kurangnya tenaga kerja yang mempunyai kelayakan profesional dan keahlian badan profesional** juga telah dikenalpasti. Seterusnya adalah **risiko kompetensi kemahiran warga kerja UiTMCP**.

**Penilaian tahap risiko** penting bagi memastikan langkah mitigasi dapat dirancang dan tindakan pencegahan dapat dilaksanakan. Risiko komposisi pelajar, pensyarah dan staf pentadbiran dinilai pada **tahap sederhana iaitu waran yang terhad menjejaskan penyampaian perkhidmatan terhadap pelanggan utama** terutamanya pelajar dan pemegang taruh. Manakala risiko nisbah professor dan pensyarah pula adalah merupakan **risiko tinggi kerana melibatkan implikasi terhadap topografi sumber manusia UiTMCP** (L5-4-2b), tidak dapat meningkatkan bilangan pakar rujuk serta menjejaskan ketampakan UiTMCP dipersada tempatan dan antarabangsa. Sumber manusia yang cekap, produktif serta profesional adalah sangat penting dalam mempergiat usaha ke arah GRU2025. Justeru risiko **peratusan tenaga dengan keahlian badan profesional dinilai sebagai risiko ekstrim**. Dalam usaha untuk mewujudkan ekosistem kerja yang kondusif dan cemerlang, UiTMCP juga telah menilai **kompetensi kemahiran warga kerja UiTMCP sebagai risiko sederhana** (L5-4-2c). Penyertaan dalam kursus dan latihan bukan sahaja dapat meningkatkan produktiviti tenaga kerja malah juga mampu memberikan **perkhidmatan akademik yang berkualiti** kepada pelanggan utama, malahan dapat menambahkan pengetahuan, kemahiran serta nilai kepada warga kerja.

Pelan pengurusan risiko operasi UiTMCP yang holistik dan mampan dapat dilihat menerusi pelaksanaan daftar risiko, Mesyuarat Pengurusan Risiko secara berkala, perlantikan jawatankuasa penilaian sumber manusia dalam bidang tumpuan mengikut PTJ yang berkaitan serta dapatan-dapatan risiko yang turut dikongsikan dalam MKA bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan akademik UiTMCP.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20231\\_L5-4-2a Nisbah Pelajar, Pensyarah Dan Staf Pentadbiran.pdf](#)
2. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20232\\_L5-4-2b Nisbah Profesor Dan Pensyarah.pdf](#)
3. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20233\\_L5-4-2c Pencapaian Jam Latihan Staf.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 5.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan dalam pengurusan sumber manusia adalah merupakan proses penting bagi memastikan aspek-aspek berkaitan dijalankan secara cekap dan berkesan. UiTMCP proaktif dalam memastikan penilaian semula strategi, amalan dan prosedur pengurusan sumber manusia akademik khususnya, bagi menjayakan sasaran dalam petunjuk prestasi utama. Tumpuan kepada **mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan utama dibincangkan dalam MKSP yang melibatkan kepimpinan utama universiti dan ketua-ketua PTJ**. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan ini kemudiannya dikongsi kepada warga PTJ bagi memastikan semua warga kerja memahami tindakan yang wajar diambil perhatian.

Dalam melonjak kompetensi global sebagai universiti terkemuka, UiTMCP optimis memperkasa warga kerja dengan **mengoptimum sumber manusia sedia ada** dengan memastikan komposisi pensyarah dan staf tidak menjejaskan penyampaian perkhidmatan akademik kepada pelanggan utama UiTMCP, iaitu pelajar dan pemegang taruh. UiTMCP juga cekap dalam menongkah arus digitalisasi melalui pembudayaan **perkhidmatan akademik secara digital dan turut memperkukuh penyampaian perkhidmatan sokongan (*ancillary services*) akademik** melalui penggunaan teknologi. **Aktiviti perkongsian pengetahuan dan kepakaran disampaikan melalui webinar** (L5-4-3a) serta perkhidmatan sokongan akademik turut dijalankan secara atas talian samada menggunakan sistem yang dibekalkan oleh UiTM mahupun yang dibangun sendiri dengan kepakaran warga kerja UiTMCP (L5-4-3b).

UiTMCP juga komited dalam melaksanakan aspirasi **akademia berkompetensi global** dengan memastikan komposisi profesor kepada pensyarah kekal berpaksikan kepada sasaran OK. Barisan kepimpinan pengurusan sumber manusia dan akademik telah **mengenal pasti akademia yang telah mencapai kelayakan untuk memohon kenaikan pangkat ke gred Profesor Madya dan Profesor**. Langkah optimistik juga diambil oleh UiTMCP dengan **penawaran baharu jawatan akademik gred DM54 dan VK7** bagi memastikan bilangan pakar rujuk dan ketampakan UiTMCP sebagai ujana ilmunan terkemuka terus relevan.

Usaha memperhebat kecemerlangan bakat warga UiTMCP juga dapat dilihat menerusi **kerjasama strategik melalui penganjuran program profesional di fakulti bersama badan profesional** (L5-4-3c). Inisiatif ini juga diletakkan sebagai petunjuk prestasi utama fakulti. Program-program ini memberi manfaat kepada tenaga kerja utama iaitu akademia dan staf pentadbiran berkeelayakan profesional. Bagi **mengurus prestasi dan pembangunan kemahiran tenaga kerja, tindakan penambahbaikan dilaksanakan melalui penyebaran infografik** dan kenaikan penalti dalam LNPT bagi memastikan warga kerja memenuhi jam latihan. Pembangunan kemahiran dapat memandu nilai prestasi warga UiTMCP selaras dengan teras strategik utama UiTM 2025 serta mewujudkan sistem kerja yang mendokong ESI-iDART.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20231\\_L5-4-3a Webinar Perkongsian Pengetahuan.pdf](#)
2. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20232\\_L5-4-3b Penyampaian Perkhidmatan Digital.pdf](#)
3. [K0017\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20233\\_L5-4-3c Penganjuran Program Profesional Fakulti.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Setiap perancangan atau model pengurusan tidak terlepas dari kelemahan yang timbul selepas aktiviti dilaksanakan. Namun, UiTMCP menyiapkan warganya dengan strategi kecemerlangan yang bersiap sedia serta proaktif menangani kelemahan yang timbul seperti menyediakan kakitangan berkebolehan pelbagai melalui latihan berterusan.

Pembudayaan inovasi begitu subur di UiTMCP dalam memastikan keterampilan dan kebolehdayaan tenaga manusianya. Bagi memastikan sasaran komposisi kepakaran akademik kekal lestari, UiTMCP melaksanakan **pengisian templat keperluan perjawatan setiap tahun sebagai satu strategi pelan penggantian holistik (*succession plan*)** (L5-5a). Dengan adanya pelan penggantian tenaga manusia yang holistik, maka topografi kepakaran akademik tidak akan terjejas dan bilangan pakar rujuk dapat terus dipertingkatkan. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang produktif, templat ini juga diperluas merangkumi keperluan penggantian perjawatan di semua PTJs samada kumpulan pelaksana mahupun profesional.

Tenaga kerja UiTMCP juga kompeten dalam memanfaatkan teknologi sediaada melalui pembudayaan digitalisasi dalam penyampaian perkhidmatan. Akademia UiTMCP juga aktif dalam melaksanakan penyampaian perkhidmatan akademik melalui ***micro-credential* dan MOOC bagi memastikan proses PdP mendapat aksesibiliti yang lebih meluas, kritis, terbuka dan kreatif** (L5-5b). CGCT juga berlangsung secara terus melalui kolaborasi bersama industri dan pakar bidang tertentu mengikut keperluan silibus. Ia dapat melahirkan graduan yang seimbang dan menepati keperluan industri. **Selain itu, proses PdP turut disokong oleh inovasi sistem penyampaian perkhidmatan seperti *Perak Virtual Valley* dan *e-Surat (surat lantikan peringkat Fakulti dan Universiti)* yang membantu** pengurusan, hal ehwal pentadbiran akademik dan penilaian pensyarah melalui MyATP sebagai perkhidmatan sokongan. **Inovasi webinar *Welfare4All*** merupakan kesinambungan inovasi usahasama antara Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), Unit Sukan dan Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK) yang menjayakan webinar-webinar berkaitan pengurusan kesihatan mental dan fizikal serta spiritual sebagai usaha membudayakan persekitaran kerja yang kekal sejahtera.

Bagi menjayakan teras strategik (*value driven performance*) menjelang 2025, UiTMCP juga turut menggerakkan strategi **i-DART Booster** dibawah pelaksanaan *Strategic Action Plan* (SAP) UiTMCP (L5-5c). Ini bagi memastikan tenaga kerja UiTMCP kekal seiring dengan halatuju dan hasrat ke arah menjayakan GRU2025. Inisiatif ***Neo-Entity*** (L5-5d) turut dijayakan bagi mewujudkan entiti akademik yang berdaya saing serta memastikan budaya perkhidmatan akademik berkualiti kekal konsisten. Ini bagi memastikan akademia UiTMCP falsafah 3R, *Respect* (dihormati), *Referred* (dirujuk) dan *Relevant* (relavan) dapat diterjemahkan dalam amalan terbaik PdP UiTMCP.

**UiTMCP mengamalkan budaya kerja yang cemerlang melalui pelaksanaan tindakan strategik iaitu inisiatif *GoGlow*** (L5-5e) yang merangkumi 3 pendekatan inovasi dalam memperhebat kecemerlangan bakat tenaga kerja seperti GoAKAD, GoRELA dan GoTeam. **GoAKAD** merangka perancangan yang lebih khusus dan terperinci dengan melihat kepada peningkatan bilangan dan kualiti akademia dalam badan profesional dan penganugerahan peringkat nasional dan antarabangsa. Melalui inisiatif ini, pejabat pentadbiran juga mengadakan klinik kenaikan pangkat bermatlamat dan terancang bagi gred VK7, DM54 dan DM52. Inovasi **GoRELA** pula adalah bagi menyuburkan semangat dan kecenderungan kesukarelawanan dalam kalangan staf dan pelajar. Malahan budaya ini telah lama subur melalui penglibatan aktif staf dan akademia sebagai penggerak utama dalam khidmat masyarakat khususnya MERCY Perak Chapter di peringkat nasional dan antarabangsa. Inovasi perkhidmatan **GoTEAM (Talented, Excellent, Administrative Manpower)** pula merangkumi program memasyhurkan kepakaran, penyerahan usul kenaikan pangkat bagi staf berkeelayakan dan pengiktirafan kepakaran menerusi ketampakan peringkat nasional dan antarabangsa bagi menjayakan teras strategik kecemerlangan global UiTM2025.

### SENARAI BUKTI :



1. [K0017\\_S01\\_SB05\\_20231\\_L5-5a Tindakan Pengisian Templat Perjawatan.pdf](#)
2. [K0017\\_S01\\_SB05\\_20232\\_L5-3b Senarai Ahli-Ahli Profesional Berdaftar UiTM Cawangan Perak.pdf](#)
3. [K0017\\_S01\\_SB05\\_20233\\_L5-5c i-DART Booster di UiTM Cawangan Perak.pdf](#)
4. [K0017\\_S01\\_SB05\\_20234\\_L5-5d UiTM2025 Department Project Neo-Entity.pdf](#)
5. [K0017\\_S01\\_SB05\\_20235\\_L5-3e Gambar Projek Khidmat Masyarakat Dan Pemindahan Teknologi Solar \(Projek SULAM\).pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTM Cawangan Perak (UiTMCP) beroperasi dalam satu ekosistem yang komprehensif, dengan penghayatan kepada budaya kerja cemerlang, berkualiti dan berimpak tinggi kepada semua pemegang taruh universiti. Bagi mendukung agenda transformasi UiTM untuk menjadi universiti bertaraf global dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan dalam tempoh lima tahun, direalisasikan menerusi rangka kerja Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025) sebagai kesinambungan daripada pelan strategik terdahulu. Menerusi UiTM2025, universiti memberi fokus pada perubahan, perkembangan dan keperluan membabitkan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan Pembangunan Lestari (SDGs). Ia juga selaras agenda nasional membabitkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), sekaligus memastikan UiTM kekal relevan di peringkat nasional dan global.

Dalam merangka operasi sistem kerja UiTMCP yang bersistematik, penggunaan model PDCA digunakan. Penggunaan model ini membantu UiTMCP melakarkan Perancangan (Plan) melibatkan pemeraksanaan kolaborasi bersama rakan strategik bagi pemindahan ilmu dan teknologi (1), penggalakan tradisi inovasi kritis dan kreatif (2) dan pemacuan teknologi digital (3). Pembentukan matlamat sasaran dan objektif operasi universiti bersandarkan kepada pensejajaran matlamat Strategic Execution Model 2025 &@ UiTMCP, Objektif Kualiti UiTMCP, mandat Amanat Naib Canselor UiTM serta Amanat Rektor UiTMCP. Perancangan ini disebar luas kepada semua PTJ dan prosesnya juga melibatkan semua unit dan pusat organisasi universiti. UiTMCP telah menyumbang kepada sasaran Pelan Strategik UiTM 2025 dalam kapasiti sedia ada.

Proses Pelaksanaan (Do) dengan membuat penambahbaikan mengikut perancangan serta memastikan ketetapan objektif pengoperasian universiti tercapai. Pelaksanaan proses kerja merangkumi kepatuhan pelaksanaan sistem kualiti kerja, kawalan kos serta pengurusan risiko. Bagi memastikan objektif dan sasaran tercapai, penekanan kepada operasi universiti melibatkan tujahan hasil dalam pendidikan berkualiti, pemeraksanaan kepimpinan akademik, pemindahan ilmu, inisiatif kampus hijau, pembangunan fasiliti dan teknologi serta ketampakan universiti.

Proses Pemantauan (Check) dalam pengoperasian UiTMCP dapat dilihat dengan sistem semak dan imbang melalui Mesyuarat MKSP, MPD, JKEN, JKA dan JAN untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan cadangan penambahbaikan dilakukan. Bagi mengukur pencapaian dan kepuasan pelanggan terhadap PdP dilakukan mengikut kitaran OBE yang merujuk kepada pelajar, akademia dan program. Pemantauan dan penilaian dilakukan melalui SLEQ, EES, pencapaian 6 KPI Peperiksaan, SuFO, ReSuFO, PRO-PENS, TESA, TEX, kepatuhan COPPA area 7 (CDL-CQI) dan semakan kurikulum yang komprehensif. Kemajuan pencapaian PI setiap PTJ dilaporkan dalam mesyuarat setiap enam bulan, seterusnya perkembangan hasil pencapaian akan dipantau oleh Barisan Pengurusan Eksekutif. Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) bertanggungjawab dalam memastikan pencapaian kepada pendidikan berkualiti, Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A) memberikan penarafan penyelidikan serta ketampakan universiti manakala Jawatankuasa Kampus Hijau bertanggungjawab memastikan inisiatif kampus hijau berjaya dicapai. Proses Tindakan (Act) pengoperasian UiTMCP adalah dengan meletakkan penandaarasan prestasi sebelum dan selepas pencapaian hasil sebagai langkah persediaan dan ruang penambahbaikan. Tindakan pengoperasian diambil daripada intipati pembelajaran dan kewujudan risiko yang dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko dan MKSP. PTJ perlu mengambil tindakan mitigasi hasil daripada pelaporan risiko bagi memastikan kelestarian sistem operasi dan budaya kecemerlangan barisan kepimpinan UiTMCP dapat diteruskan. Kesimpulannya, setiap daripada komponen dalam tadbir urus UiTMCP merangkumi ketua-ketua PTJ, bahagian dan unit telah menunjukkan komitmen kepimpinan yang cemerlang bersama-sama dengan barisan pengurusan tertinggi universiti bagi memastikan semua PI dan objektif kualiti dicapai ke tahap

tertinggi.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi memenuhi aspirasi GRU2025, pemerkasaan PdP ditekankan melalui **pembangunan dan pengembangan kurikulum lestari**. Ia ditonjolkan melalui pembangunan program akademik baharu yang diiktiraf oleh MQA dan badan profesional melalui beberapa proses sistematik bermula dengan pelantikan AJK penyediaan program baharu, pembentangan dalam beberapa mesyuarat bermula dengan JKKN, JAN, JKIKU, SENAT, penyediaan dokumen akreditasi sementara (IQA01), pembentangan dalam mesyuarat LPU dan diakhiri dengan pembentangan dalam mesyuarat peringkat Jawatankuasa Kementerian Pengajian Tinggi. Bagi menjamin kualiti program akademik yang ditawarkan kekal relevan, UiTMCP memastikan setiap program tersebut mendapat akreditasi sama ada daripada MQA ataupun badan profesional melalui proses akreditasi penuh (IQA02) (L6-2a), semakan kurikulum, dan akreditasi audit pematuhan. Pengembangan kurikulum turut diperkasakan melalui penawaran program sedia ada dari peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.

Pelaksanaan kurikulum holistik didukung melalui **pendekatan pengurusan PdP bersistematik merangkumi proses PdP, penilaian dan pentaksiran pelajar**. Bagi **proses PdP**, silibus kurikulum distrukturkan berdasarkan pendekatan OBE-SCL yang berpaksikan kepada pencapaian hasil pembelajaran melibatkan pembangunan Program Educational Objective, Program Learning Outcome dan Course Learning Outcome (L6-2b). **Penjajaran konstruktif** dilaksanakan melibatkan proses merangka aktiviti PdP serta tugas pentaksiran yang mengaitkan secara langsung hasil pembelajaran yang ingin dicapai menjurus kepada domain pengetahuan dan kemahiran seperti digariskan dalam 11 Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia. Pelaksanaan PdP dilaksanakan secara berkesan dengan menggunakan **pendekatan 21 Century Learning** yang menekankan elemen berfikir secara kritis, komunikasi berkesan, kolaborasi dan kreatif.

Bagi proses **pentaksiran dan penilaian akademik pelajar**, *SAM (Structured Assessment Mechanism)* digunakan bagi menyediakan mekanisme yang berstruktur dan jelas selaras dengan Polisi Pentaksiran dan Penilaian Akademik UiTM, 2021. Penilaian dilakukan menerusi *formative* dan *summative assessment* bagi menilai pencapaian pelajar secara holistik. Instrumen penilaian disediakan berdasarkan JSU, JSUB dan JSP (L6-2c) dan setiap soalan ujian dan tugas disaring melalui Proses Tapisan yang teliti bagi memastikan kualiti dan kebolehpercayaan sebelum ia digunakan. Rubrik penilaian turut disediakan bagi memastikan ketekalan dan konsistensi penilaian untuk menjamin penilaian yang adil.

**Pendekatan Pemantauan Program Akademik diantara PU dan PP** dilaksanakan melalui mekanisme Sesi Penglibatan Akademik atau **Academic Engagement Session (AES)** secara berkala bagi memastikan kualiti program akademik ditawarkan di setiap lokasi penawaran adalah setara.

Pendekatan **pemerkasaan PdP Berinovatif** dilaksanakan melalui pertandingan inovasi seperti KIK, OE, dan konferensi antarabangsa yang memberi ruang warga UiTMCP berkongsi pendekatan PdP berinovatif. Disamping itu, teknologi PdP yang efisien bagi mendukung IR4.0 dan SDG diaplikasikan melalui penggunaan **peralatan PdP berteknologi** seperti *dron* dan *Infrared Thermography* serta penyediaan ruang kondusif seperti *Smart Classroom* dan *BYOD*. Perpustakaan pula berperanan sebagai pusat sumber maklumat dan kegiatan pelajar melalui carian sumber data melalui sistem OPAC, dan penyediaan ruang dan alat permainan seperti catur dan kafe mewujudkan suasana santai dan kondusif kepada warga. Pelaksanaan *Micro Mobility Projects* yang berpandukan “Low Carbon Campus Initiatives” dengan menggunakan e-scooter di UiTMCP merupakan kemudahan utama mobiliti kepada mahasiswa yang memudahkan pergerakan mereka untuk proses PdP (L6-2d).

Pendekatan **sinergi keserakanan dalam aktiviti PdP** diterjemahkan melalui perkongsian pintar bersama industri, komuniti dan alumni. Beberapa MoU/MoA/MoC/Lol ditandatangani melibatkan pengenalpastian universiti QS *ranking* melalui sistem NILAMs (L6-2e). Ini adalah

penting untuk meningkatkan kualitas pendidikan dan penyediaan serta memperluas jangkauan akademik.

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_O01\\_OB02\\_20231\\_L6-2a Proses Akreditasi Universiti.pdf](#)
2. [K0017\\_O01\\_OB02\\_20232\\_L6-2b Proses PdP Bersistematik.pdf](#)
3. [K0017\\_O01\\_OB02\\_20233\\_L6-2c Pentaksiran dan Penilaian Akademik.pdf](#)
4. [K0017\\_O01\\_OB02\\_20234\\_L6-2d PdP berinovasi dan berteknologi tinggi.pdf](#)
5. [K0017\\_O01\\_OB02\\_20235\\_L6-2e Proses pemeteraian MOU MOA MOC LOA.pdf](#)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Tumpuan operasi dilaksanakan untuk proses pemeraksanaan operasi akademik diperluaskan melalui inisiatif bersepadu. Bagi memastikan kesiagaan tumpuan pelaksanaan operasi, **Model PDCA berdasarkan kitaran OBE diaplikasikan.**

**Pelan tindakan yang dilaksanakan bagi memantapkan proses pembangunan dan pengembangan kurikulum adalah melalui pelantikan JK seperti AJK Pembangunan Program Baharu, AJK Akreditasi, AJK PSRR, AJK Semakan Kurikulum (L6-3a).** Selain itu, **bengkel** penyediaan melibatkan penyediaan dokumen program akademik baharu, dokumen akreditasi program, PSRR, dan semakan kurikulum turut diadakan. Seterusnya, bagi memastikan kerelevanan program, beberapa peringkat mesyuarat dilaksanakan seperti Mesyuarat JKKN, JAN dan JKA. Di samping itu, UiTMCP juga giat menjalankan Pelan Promosi Program seperti Misi Akademik, EKSU dan media massa.

**Proses pemeraksanaan PdP di UiTMCP diperluaskan melalui perlantikan AJK NOBLE), RP, LiC, Koordinator Pembangunan dan Pengurusan Kurikulum, External Examiner (EE), dan Penasihat Luar.** Selain itu, **Pekeliling Rektor dan TRHEA (L6-3b) turut diedarkan** bagi memastikan operasi PdP dilaksanakan mematuhi prosedur yang ditetapkan. Selanjutnya, perancangan **Keperluan Tenaga Pensyarah** disediakan oleh Koordinator Program bagi agihan konteks syarahan. Manakala, Kalendar Akademik (L6-3c) dan Jadual Waktu Kuliah diedarkan kepada akademia bagi merancang pelaksanaan kuliah melalui penyediaan Pelan Pengajaran (L6-3c).

Operasi penilaian dan pentaksiran pelajar dirancang dengan rapi melalui penyediaan *Course Assessment Plan* oleh RP dan diedarkan kepada kumpulan pengajar. Operasi peperiksaan diuruskan melalui pelantikan JK Peperiksaan, Pengawas dan Ketua Pengawas Peperiksaan. Perancangan jadual peperiksaan dan jadual bertugas juga diperluaskan melalui **Sistem Semakan No Meja dan Sistem Semakan Jadual Pengawasan (L6-3d).**

**Proses menguruskan operasi PdP di UiTMCP adalah berdasarkan polisi dan prosedur yang ditetapkan oleh UiTM, KPT, Badan Profesional dan MQA.** Dalam proses pembangunan dan pengembangan kurikulum, beberapa manual digunakan seperti Garis Panduan Pembangunan Program Akademik (GPPA) UA, *Standard Badan Profesional, Program Standard, Standard MQA, COPPA, QAEP 2019, Prosedur Pengurusan Pelaksanaan Kurikulum Akademik UiTM, Pekeliling Akademik dan Peraturan Akademik UiTM.* Pemeraksanaan operasi PdP diperluaskan melalui penggunaan instrumen PdP berteknologi serta PdP berinovatif seperti CGCT, dan MOOC. Perluasan PdP berinovatif juga dilakukan melalui penubuhan **HITeL, ULiT, perlantikan Ahli CG dan Felo CG Smart Classroom (L6-3e).** Selain itu, **UiTMCP juga membangunkan Handbook HETVET@UiTM dan menerajui struktur HETVET@UiTM yang dimanfaatkan** oleh program akademik yang ditawarkan di UiTM seMalaysia. Perluasan proses pemeraksanaan PdP turut melingkungi pelaksanaan sinergi keserakanan dalam aktiviti PdP. UiTMCP komited menjalinkan jalinan MoU/MoA/LoI yang manfaatnya diperluaskan kepada akademia, pelajar, industri dan masyarakat. Operasi ini diperluaskan melalui pelantikan pensyarah jemputan, industri dan rakan strategik industri dan masyarakat.

UiTMCP menetapkan amalan pemantauan (Check) dan (Act) melalui beberapa tindakan. Proses utama dalam pemeraksanaan PdP adalah melalui operasi penilaian dan pentaksiran pelajar. Pemantaun berpandukan COPPA, Peraturan Akademik, Polisi Pentaksiran dan Penilaian Pelajar dan Garis Panduan Amalan Terbaik MQA. Pemantauan juga dilakukan melalui **Mesyuarat Validasi Keputusan Peperiksaan Jabatan, Fakulti dan seterusnya Mesyuarat JAN.**

**Pemantauan Program Akademik antara PU dan PP** dilaksanakan melalui mekanisma **AES** secara berkala bagi memastikan kualiti program akademik di setiap lokasi penawaran setara.

Pekeliling Akademik Bil. 2 Pemilikan dan Pengurusan Program UiTM 2019 dan *Reviewing and Continually Improving Institutional Quality* (MR-CIIQ) digunakan sebagai panduan. Pelantikan moderator untuk mengkoordinasi program (L6-3-e) terlibat dilaksanakan dan laporan penemuan pemantauan dibentangkan dalam mesyuarat Fakulti dan JKA.

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_O01\\_OB03\\_20231\\_L6-3a Sampel Surat Lantikan AJK.pdf](#)
2. [K0017\\_O01\\_OB03\\_20232\\_L6-3b Pekeliling Rektor Bil 6 2021 dan Pekeliling TRHEA Bil 1 2022.pdf](#)
3. [K0017\\_O01\\_OB03\\_20233\\_L6-3c Kalendar Akademik dan Pelan Pengajaran.pdf](#)
4. [K0017\\_O01\\_OB03\\_20234\\_L6-3d Paparan Muka Depan Sistem Semakan No Meja dan Sistem Semakan Jadual Pengawasan.pdf](#)
5. [K0017\\_O01\\_OB03\\_20235\\_L6-2e Proses pemeteraian MOU MOA MOC LOA.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

**Pemantauan pelaksanaan operasi universiti yang menyeluruh dilaksanakan melalui pembentangan pelaporan** dalam mesyuarat-mesyuarat berkaitan PdP dan pelan strategik UiTMCP. Mesyuarat dipengerusikan oleh Rektor UiTMCP, dianggotai pengurusan kanan universiti serta ketua-ketua PTJ sebagai ahli mesyuarat. Pencapaian PI, SAP, OK, isu berbangkit, agenda berkaitan serta pengurusan risiko dibincangkan dalam mesyuarat bagi mengenal pasti tindakan yang perlu ambil untuk mencapai matlamat dan menyelesaikan isu-isu berbangkit. Pelaporan kepada aspek PdP dibahagikan kepada 3 elemen utama iaitu Pemantauan, Kenal Pasti Risiko serta Mengkaji Semula dan Tindakan Penambahbaikan yang diterjemahkan dalam **Templat Log Tindakan (L6-4-1a)**.

Fokus pemantauan operasi PdP UiTMCP adalah berdasarkan perinsip OBE iaitu memfokuskan kepada pemantauan hasil pencapaian pembelajaran program akademik yang ditawarkan. Penganalisaan bagi pengukuran tahap pencapaian dan kepuasan pelanggan terhadap PdP dilaksanakan mengikut kitaran **OBE**. **Kitaran OBE** merujuk kepada proses perancangan, pembangunan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian. Pemantauan dan penilaian terhadap pencapaian pelajar dilaksanakan melalui **SLEQ, EES dan pencapaian 6 KPI peperiksaan (CGPA, GOT, AD, ANC, kursus gagal >25%, pelajar gagal >3%)**. **Pemantauan hasil pencapaian pelajar juga dilaksanakan secara kumulatif berdasarkan PLO. Semua kursus yang dipetakan kepada PLO diukur hasil pembelajaran pelajar pada setiap semester dan di akhir kohort pelajar**

Pemantauan terhadap keberkesanan **akademia dikendalikan secara 360°** mencakupi maklum balas dari pelajar, panel penilai dan penilaian sendiri melalui **SUFO, ReSuFO, PRO-PENS, TESA, dan TEX** (L6-4-1b). Hasil analisis pencapaian tersebut dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa PRO-PENS, JKEN, dan JKA yang bertujuan membincangkan log tindakan untuk mengenal pasti risiko dan keperluan mengkaji semula serta melaksanakan mitigasi dan penambahbaikan kualiti PdP.

**Pemantauan program akademik UiTMCP terhadap pematuhan COPPA Area 7 Program Monitoring, Reviewing and Continual Quality dilaksanakan melalui mekanisme CDL-CQI** (L6-4-1c). Ia penting bagi memastikan program akademik UiTMCP kekal relevan, dinamik dan mengikut perkembangan semasa. Hasil analisa pemantauan CDL-CQI dibentangkan di Mesyuarat CDL-CQI peringkat Jabatan, Fakulti dan JKA.

**Pemantauan terhadap pencapaian program akademik UiTMCP dilaksanakan melalui semakan kurikulum yang komprehensif**, merangkumi analisis pencapaian PLO, PEO, IDSPA, OBE-SCL, **proses akreditasi, penilaian sendiri (PSRR) serta audit dalam**. **Penemuan pemantauan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Negeri, JKA dan JAN bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan cadangan penambahbaikan. Log tindakan hasil dari perbincangan didokumenkan bagi tujuan audit dan Self Review Report (SRR).**

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20231\\_L6-4-1a Templat Log Tindakan.pdf](#)
2. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20232\\_L6-4-1b Pemantauan Pencapaian Pembelajaran Program Akademik.pdf](#)
3. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20233\\_L6-4-1c Pemantauan Program Akademik UiTMCP Melalui Mekanisme CDL-CQI.pdf](#)
- 4.
- 5.



## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCP menubuhkan **Jawatankuasa Pengurusan Risiko JKKPN** dan **JPR** bagi mengendalikan risiko secara sistematik dan berkesan yang merangkumi pemantauan keselamatan, aduan kemalangan dan kesihatan termasuk fizikal bangunan, infrastruktur, susun atur dan kebersihan. Penilaian impak risiko dilaksanakan berdasarkan **daftar risiko** UiTMCP bagi mengenal pasti risiko di peringkat awal supaya pelan mitigasi risiko dapat dirangka tanpa memudaratkan operasi PdP di UiTMCP (L6-4-2a). Kebarangkalian risiko di UiTMCP dikenalpasti bagi memastikan perancangan pelan tindakan risiko dapat dilaksanakan dengan cekap. Setiap risiko tersebut juga dinilai melalui analisa *SWOT* serta didaftarkan dalam Daftar Risiko. Semua risiko yang didaftarkan oleh pemilik risiko akan dinilai mengikut indeks kebarangkalian dan impak dan seterusnya pemberat risiko dijadualkan dalam Matriks Kebarangkalian dan Impak bagi menentukan tahap dan skala risiko. Kaedah penentuan tahap impak dan kebarangkalian risiko ini diadaptasi daripada *Australian Standard Risk Management AS/NZS 4360:2004*.

Risiko-risiko operasi akademik yang dikenalpasti adalah seperti kesejahteraan mental dan emosi dalam kalangan pelajar yang boleh menjejaskan pencapaian akademik. Risiko ini telah didaftarkan dalam Daftar Risiko dan dinilai pada tahap sederhana. Tahap impak juga adalah pada skala 5 yang mana jika tidak dikenalpasti di peringkat awal boleh membawa kepada kehilangan nyawa dan memberikan publisiti yang tidak baik kepada UiTMCP. Seterusnya **risiko penurunan enrolmen pelajar pascasiswazah** juga telah dikenalpasti (L6-4-2b). Ia dinilai pada tahap risiko tinggi yang melibatkan kos operasi akademik yang tidak efisien seperti pembaziran kos utiliti dan pengurusan. UiTMCP cekap **merangka pelan pencegahan risiko dengan memberi latihan kemahiran kepada akademia sebagai frontliner dalam mengenalpasti kesejahteraan emosi pelajar**. Manakala **promosi program akademik atas talian dan media masa perdana** terus giat diperkasakan.

Selain itu, risiko operasi akademik yang dikenalpasti juga adalah seperti penyediaan fasiliti akademik. UiTMCP konsisten menyediakan persekitaran dan fasiliti yang kondusif bagi memastikan kelangsungan operasi PdP. Risiko fasiliti akademik juga telah dikenalpasti seperti masalah penghawa dingin dan pendawaian elektrik di blok akademik. Risiko tahap tinggi ini boleh menjejaskan operasi PdP dan menyebabkan persekitaran PdP yang tidak produktif. Selain itu, capaian internet yang kurang baik juga akan menjejaskan penyampaian perkhidmatan dan operasi PdP. **Tindakan pencegahan risiko dengan menaiktaraf fasiliti infrastruktur dan infostruktur sediaada telah memastikan operasi PdP dilangsungkan dengan jayanya di UiTMCP** (L6-4-2c).

### SENARAI BUKTI :

1. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20231\\_L6-4-2a Jawatankuasa Pengurusan Risiko.pdf](#)
2. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20232\\_L6-4-2b Daftar Risiko Enrolmen Pascasiswazah.pdf](#)
3. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20233\\_L6-4-2c Daftar Risiko Infrastruktur dan Infostruktur.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCP proaktif dalam usaha menambah baik kualiti perkhidmatan secara menyeluruh dan berterusan. Usaha penambahbaikan dilaksanakan dengan komited oleh setiap PTJ bagi memastikan UiTMCP sentiasa memberi perkhidmatan yang cemerlang dan berkesan terutama dalam bidang tumpuan PdP. **PdP secara dalam talian sentiasa ditambah baik.** Dalam konteks ini, banyak ruang-ruang baharu yang diteroka dan memberi cetusan idea bagi menyerlahkan lagi kreativiti dan inovasi akademik dan pelajar terutamanya dalam fasa pelaksanaan PdP berteknologi *IR4.0 dan Education 5.0@UiTM*. Tahun 2022 merupakan tahun pemerkasaan dengan pembangunan dan pengoperasian akademik UiTMCP yang tertumpu kepada **penambahbaikan dan pelarasan penyampaian PdP dalam bentuk hibrid dan pendekatan secara ODL.** Dua cadangan program baharu yang telah diluluskan permohonan di Mesyuarat Saringan Awal JKIKU iaitu Sarjana Bahasa Analisis Teks dan Sarjana Pengurusan Bencana dan Dayatahan bakal menawarkan pengajian sebagai program ODL. **Samakan kurikulum komprehensif program pasca siswazah mentransformasikan kaedah penyampaian dari konvensional kepada ODL. Tindakan penambahbaikan ini penting bagi memastikan program akademik UiTMCP menjadi pilihan pelajar dan mendapat permintaan yang tinggi dari dalam dan luar negara (L6-4-3a).**

Hasil penganalisaan risiko kelemahan capaian data merupakan agenda utama yang menjadi perhatian kepimpinan UiTMCP. **Justeru, projek pemasangan Wi-Fi yang memberikan liputan 100 peratus di Kolej Kediaman Pelajar dengan kelajuan yang lebih baik telah dilaksanakan.** Sebanyak 384 unit *access point* telah dipasang di seluruh Kolej Kediaman Siswa dan Siswi dengan kos projek sebanyak RM1.6 juta. Projek ini dilaksanakan antara Oktober 2022 sehingga Januari 2023. Projek ini telah berjaya meningkatkan capaian Wi-Fi secara keseluruhan di Kampus Seri Iskandar dari 17% kepada 43%. Kepimpinan dan Bahagian Infostruktur dalam perancangan memohon peruntukan bajet khusus untuk menaiktaraf kemudahan Wi-Fi di semua bangunan akademik dan pejabat-pejabat pentadbiran (L6-4-3b).

Penemuan Audit Dalam dan laporan EE berhubung bilangan akademik tidak dapat memenuhi keperluan badan profesional terhadap nisbah pensyarah kepada pelajar menjadi keutamaan pihak pendaftar untuk memohon waran pensyarah daripada JPA. **Bagi tindakan pantas mengatasi ketiadaan waran pensyarah, pelantikan Pensyarah Sepenuh Masa Sambilan (PTFT) dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan kelancaran PdP UiTMCP.** Antara kaedah menangani isu kekurangan tenaga pensyarah tanpa menjejaskan kualiti PdP ialah dengan mengurangkan pengambilan pelajar, **melaksanakan pembelajaran dalam talian dan membuat pengajaran secara *mass lecture* (L6-4-3c).**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20231\\_L6-4-3a Petikan MSA Program Akademik Baharu.pdf](#)
2. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20232\\_L6-4-3b Menaiktaraf Kemudahan Wi-Fi.pdf](#)
3. [K0017\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20233\\_L6-4-3c Pelantikan Pensyarah PTFT dan Pembelajaran dalam talian.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kecemerlangan PdP UiTMCP ditonjolkan melalui pelbagai lakaran pencapaian membabitkan **pengoperasian objektif OBE dan penambahbaikan berterusan** melalui integrasi inovasi-inovasi PdP. Bagi menjamin kualiti program akademik yang ditawarkan, pembudayaan pembangunan dan pengembangan kurikulum diterjemahkan melalui integrasi di antara bahagian Hal Ehwal HEA dan Unit Pengurusan Kualiti dengan pelantikan Koordinator Pembangunan Dan Pengurusan Kurikulum (HEA) dan Koordinator Sistem Pengurusan dan Jaminan Kualiti Akademik (AQA,UPK) (L6-5a). **Inovasi Pelan Tindakan Semakan Kurikulum, Pelan Tindakan Akreditasi Program, Templat Penilaian PSRR** dihasilkan bagi merancang, memantau dan menilai pelaksanaan proses PdP UiTMCP.

UiTMCP membudayakan **amalan PdP berinovatif** melalui integrasi kaedah PdP *21st century learning* dan IR 4.0. Ia diterjemahkan melalui pembudayaan *Blended Learning*, pengajaran kolaboratif, e-pembelajaran MOOC dan '*micro credential course*'. Pemerkasaan PdP berinovatif juga dibudayakan melalui pendekatan sinergi keserakanan dalam aktiviti PdP. UiTMCP telah menjayakan **Kolaborasi Strategik (CGCT)** yang diintegrasikan melalui pelantikan Pensyarah Jemputan Industri dalam pengajaran kolaboratif. UiTMCP membudayakan inovasi PdP melalui penganjuran dan penyertaan akademik yang diserlahkan melalui beberapa kejayaan dalam pertandingan nasional dan antarabangsa seperti **eCONDAVE, INDES, ELSA, INSPIRED, ICONBEE, V-Go Green dan lain-lain**. Antara inovasi PdP yang dihasilkan adalah '*Gamification of Learning: Escape Room*', '*Smart Teaching and Learning: I-TUL*', "Greeni", "Hybrid design Studio Gamification" dan sebagainya. Dalam memastikan kejayaan pengurusan akademik **PdP yang sistematik**, UiTMCP berjaya memacu pengurusan akademik melalui penggunaan **One-Drive Teaching File** akademik. **Unit Latihan Integrasi Teknologi (ULIT)** yang beroperasi di Kampus Bandaraya Ipoh ditubuhkan sebagai pusat latihan "hands on" kemahiran digital secara bersiri mengikut takwim latihan tahunan yang ditawarkan **kepada akademik, pelajar, agensi, institusi awam dan swasta** (L6-5b).

Penilaian dan pentaksiran akademik pelajar UiTMCP diamalkan secara kreatif melalui integrasi **Sistem e-Moderasi Pemarkahan Akhir** bagi memudahkan akademik melaporkan pencapaian pelajar dengan sistematik dan pantas. **Pembudayaan amalan kecemerlangan operasi (OE)** ditonjolkan dalam pengurusan peperiksaan dimana Unit Peperiksaan UiTMCP menggunakan **QR Code** untuk carian nombor meja di samping mewujudkan **Sistem Jadual Pengawasan Peperiksaan** (L6-5c). Amalan pemantauan yang berkesan dan sistematik diintegrasikan melalui penghasilan **Manual Pengurusan Program Akademik Diantara Pengurus Utama (PU) Dan Pengurus Pelaksana (PP)**. Ia bagi memastikan peranan dan tanggungjawab PU dan PP terhadap pemantauan program akademik dapat dilaksanakan secara berkala melalui Sesi AES. **Laporan Pemantauan Penilaian Program Akademik** dihasilkan sebagai mekanisme yang mengintegrasikan laporan hasil penemuan pemantauan pelaksanaan program akademik di lokasi berbeza.

Amalan penilaian pencapaian program akademik UiTM diintegrasikan secara konsisten melalui aktiviti semakan kurikulum. Ia melibatkan aktiviti lawatan **penandaarasan** bagi melihat amalan terbaik IPTA lain. **Kajian pasaran** dilakukan bagi memastikan *program* akademik yang ditawarkan di UiTMCP kekal relevan seiring dengan keperluan industri dan kepesatan pembangunan (L6-5d).

Kecemerlangan PdP ditonjolkan melalui pembudayaan penyelidikan. Ia terserlah melalui penubuhan pusat kecemerlangan penyelidikan **RIG** dan **RG** seperti **KUTAI, Gre-SAFE dan MALIV** (L6-5e). **Prakarsa RIG dan RG** adalah selaras dengan hasrat UiTMCP untuk **membudayakan penyelidikan**. Melalui kewujudan kumpulan penyelidik ini, **jurnal seperti Ideology, MySE dan MIJ telah diterbitkan. Persatuan Pelajar Penyelidikan (KRESS)** telah ditubuhkan untuk mempromosi dan menggalakkan mahasiswa di UiTMCP kepada penyelidikan dan penulisan akademik. Akademik UiTMCP juga turut **mengintegrasikan inovasi PdP kepada masyarakat luar seperti inovasi TriSCoL** yang dihasilkan untuk meningkatkan perbendaharaan kata secara interaktif murid Orang Asli Jahai, Royal Belum.

## **SENARAI BUKTI :**

1. [K0017\\_O01\\_OB05\\_20231\\_L6-5a Pengoperasian Objektif OBE dan Penambahbaikan Berterusan.pdf](#)
2. [K0017\\_O01\\_OB05\\_20232\\_L6-5b Pembudayaan PdP Berinovatif.pdf](#)
3. [K0017\\_O01\\_OB05\\_20233\\_L6-5c Pembudayaan Inovasi dan Kreatif Dalam Pelaksanaan Aktiviti Sokongan Akademik.pdf](#)
4. [K0017\\_O01\\_OB05\\_20234\\_L6-5d Lawatan Penandaarasan dan Kajian Pasaran.pdf](#)
5. [K0017\\_O01\\_OB05\\_20235\\_L6-5e Penubuhan pusat kecemerlangan penyelidikan RIG RG Penerbit Jurnal Berimpak dan Aktiviti Penyelidikan bersama Pelajar.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Hasil Operasi - (Hasil Pemeraksanaan Operasi Akademik, Keberkesanan Operasi Akademik dan Keberhasilan Sumber Manusia, Fasiliti dan Kewangan)

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Tahun 2022 menyerlahkan UiTMCP melakar kecemerlangan dalam **bidang PdP**. Kecemerlangan ini diterjemahkan melalui **tiga hasil utama kejayaan** iaitu **(1) Hasil Pemeraksanaan Operasi Akademik, (2) Hasil Keberkesanan Operasi Akademik dan (3) Keberhasilan Sumber Manusia, Fasiliti dan Kewangan**. Hasil pemeraksanaan operasi akademik terserlah melalui transformasi yang dilaksanakan dalam proses PdP seperti penerapan konsep **Education 5.0 @ UiTM, 21<sup>st</sup> Century Learning, IR 4.0, dan A.D.A.B**. Konsep-konsep ini bertujuan untuk mengadaptasi kaedah dan teknologi terkini bagi menghasilkan pakej penyampaian PdP yang **kreatif, efektif, berketerampilan**, serta sesuai dengan peralihan semasa dalam melahirkan **graduan yang holistik, beradab, berfikiran global** dan memiliki **nilai-nilai keperibadian yang terpuji**. Pada masa yang sama ianya bertujuan memastikan kelangsungan **agenda pendidikan negara** yang terkandung dalam **RMK-12 dan PPPM(PT) 2015-2025** tercapai. Hasil daripada kecemerlangan PdP diterjemahkan melalui pencapaian **KPI peperiksaan** pelajar yang menunjukkan peningkatan positif bagi **peratusan dan bilangan pencapaian HPNG, GOT, ANC, AD, pelajar dan kursus lulus**. Pencapaian ini sekaligus dapat mencapai sasaran SAP dan OK. Sebagai universiti yang tegar berpaksikan perinsip OBE, hasil keberkesanan operasi akademik jelas dizahirkan melalui pencapaian skor purata OBE-SCL yang meningkat dari tahun ke tahun dengan konsisten berada pada pencapaian tahap BAIK. Pencapaian hebat ini penting sebagai sasaran kepada pematuhan **COPPA Bidang 7: Program Monitoring, Reviewing and Continual Quality** melalui CDL-CQI. UiTMCP mencatatkan 100% program akademik disemak secara komprehensif. Semakan kurikulum program akademik yang berkala menjamin relevansi program akademik UiTMCP demi memastikan **kemenjadian graduan yang holistik, berketrampilan serta bertaraf global**. Hasil keberkesanan operasi akademik turut diterjemahkan melalui populariti program akademik UiTMCP yang sentiasa terkehadapan mendapat permintaan dan menjadi pilihan utama berbanding UA lain. **Analisis IDSPA** UiTMCP mencatatkan pencapaian yang cemerlang bagi kebanyakan program akademik yang ditawarkan dengan **pencapaian Band 4 (KEKAL)**. Ini membuktikan program akademik yang ditawarkan di UiTMCP secara kompetitifnya memenuhi keperluan semasa dan futuristik dan mampu bersaing di persada global. **TEX sebagai penilaian pengajaran 360°** melibatkan 3 penjur (SuFO, PRO-PENS dan TESA) merupakan inisiatif tonggak kelima Education 5.0 @ UiTM untuk melahirkan *Inspiring Educators*. Pencapaian hasil analisis TEX UiTMCP merupakan kebanggaan akademia UiTMCP yang meletakkan mereka sebagai **akademia berkemampuan tinggi**. Hasil keberkesanan operasi akademik turut dilakarkan melalui **pengiktirafan program akademik** daripada **badan profesional, institusi dan industri di peringkat nasional dan antarabangsa**. Hasil keberkesanan sumber manusia, dan kewangan diterjemahkan melalui **pengiktirafan dan perakuan akademia oleh badan profesional di peringkat nasional dan antarabangsa**. Sehingga kini, **185 akademia** telah diiktiraf oleh **25 badan profesional** mengikut pelbagai bidang kepakaran. Kecemerlangan keserjanaan akademia terserlah melalui **pencapaian perolehan geran penyelidikan dan perundingan di peringkat nasional dan antarabangsa**. Kecemerlangan akademia ini menjadi pemangkin kepada penubuhan pusat penyelidikan di UiTMCP mengikut kepakaran akademia dan penerbitan jurnal-jurnal yang telah berjaya diiktiraf dan disenaraikan dalam *MyCite*. Hasil keberkesanan fasiliti UiTMCP jelas ditonjolkan melalui penyediaan kemudahan **fasiliti PdP berteknologi** demi memenuhi **Pembangunan Pendidikan Fleksibel, KPT dan elemen IR 4.0** antaranya **Makmal BYOD, Smart Classroom, RekaHub** dan sebagainya. Pengurusan kewangan dan penjimatan perbelanjaan utiliti dan sewaan peralatan PdP menunjukkan UiTMCP cekap dalam menguruskan perbelanjaan yang disalurkan. Keberhasilan dan keberkesanan ini membuktikan

UiTMCP berada di tahap yang cemerlang.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_K0017\\_HB02\\_20231\\_Ms\\_HPS - 7.1.2 Tahap.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_K0017\\_HB03\\_20232\\_Ms\\_HPS - 7.1.3 Tren.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_K0017\\_HB04\\_20233\\_Ms\\_HPS - 7.1.4 Perbandingan.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_K0017\\_HB05\\_20234\\_Ms\\_HPS - 7.1.5 Kepentingan.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Hasil Tumpuan Pelanggan - Akademia Kompetensi Global, Kemerlangan Pelajar Peringkat Keserakanan Melalui Kolaborasi Strategik

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Tahun 2022 merupakan terjemahan kejayaan yang telah dirangkul oleh UiTMCP dalam bidang tumpuan PdP sama ada dalam negara ataupun di persada dunia. UiTMCP menjadikan tiga kumpulan pelanggan iaitu **akademia, pelajar dan rakan strategik sebagai** pelanggan utama. Justeru, hasil pencapaian tumpuan pelanggan UiTMCP diukur berdasarkan tiga tema utama iaitu (1) **Akademia Berkompetensi Global**, (2) **Kecemerlangan Pelajar Di Pelbagai Peringkat dan Bidang**, dan (3) **Menerajui Keserakanan Melalui Kolaborasi Strategik**. UiTMCP komited dalam usaha mencapai aspirasi UiTM menjadi *Globally Reowned University* pada tahun 2025. Ini diterjemahkan dalam proses PdP dimana pihak pengurusan UiTMCP sentiasa memastikan kompetensi akademia adalah di peringkat global. Hasil inisiatif ini terbukti dengan peningkatan bilangan akademia yang berkelayakan PhD dan profesional setiap tahun. Selain itu, kompetensi akademia UiTMCP diiktiraf di peringkat global dengan kejayaan menerbitkan **8 artikel penyelidikan** dalam jurnal **berimpak tinggi (Q1 dan Q2)** dan juga **230 artikel** dalam **jurnal berbasit SCOPUS/WoS/ERA** sepanjang tahun 2022. Kompetensi global akademia UiTMCP terbukti dengan kejayaan perolehan geran penyelidikan di peringkat **antarabangsa (RM96,764)**, **nasional (RM966,947)** dan **industri (RM160,320)**. Hasil kesarjanaan dan kepakaran akademia, UiTMCP berjaya menawarkan dua program pascasiswazah *homegrown* iaitu Sarjana Senibina Hijau, (**AP763**) dan Doktor Falsafah Rekabentuk dan Alam Bina, (**AP992**). Hasil dari kepakaran akademia ini telah berjaya meningkatkan enrolmen program pascasiswazah terutamanya pelajar antarabangsa. Kecemerlangan pelajar pascasiswazah UiTMCP terserlah dengan jumlah kebolehpasaran graduan yang mencapai **92.1%**. UiTMCP berhasrat untuk melahirkan graduan dinamik berteraskan model graduan melalui kepimpinan muda dan antara inisiatif yang telah diambil adalah menyemai semangat patriotisme dan menerapkan **nilai ESI-IDART** kepada kepimpinan mahasiswa. Seramai **2404** pelajar melibatkan diri dalam program kepimpinan. Kecemerlangan pelajar UiTMCP juga dibuktikan dengan keterlibatan pelajar dalam pelbagai program dan aktiviti kesukarelawanan, kepimpinan, sukan dan kebudayaan di peringkat antarabangsa. Antara program antarabangsa yang melibatkan para pelajar UiTMCP adalah seperti **Ist International Fashion Student Exchange (IFSE) Fashion Show, Simposium Nusantara ke-13, Universiti Bung Hatta, Indonesia dan Lawatan ke Pakistan - Government College Lahore University** dimana hubungan strategik telah dizahirkan dengan perkongsian kepakaran dalam penganjuran pelbagai aktiviti seperti konferensi, seminar dan bengkel. Hasil daripada kolaborasi strategik ini telah menjana pendapatan sebanyak **RM161,191** daripada penganjuran konferensi dan **RM56,880** telah diperolehi daripada webinar dan bengkel yang dijalankan. Hubungan strategik ini dikukuhkan lagi dengan termeterainya **11 MoU** bersama rakan universiti antarabangsa dan industri. Ini telah memacu kecemerlangan penyelidikan menerusi platform **'International Exchange Grant'** antara UiTMCP dan universiti luar. Antaranya, kolaborasi bersama **Telkom University Indonesia** dan **Universitas Trisakti Indonesia** telah menyumbang geran berjumlah **RM10,000**. **Inisiatif Kampus Hijau** merupakan faktor keberhasilan kecekapan pengurusan fasiliti akademik dalam menyokong PdP di UiTMCP. Elemen-elemen Bangunan Hijau diterapkan dalam PdP dengan terhasilnya projek solar panel, *Cistem Water Saver (CWS)*, *Rain Water Harvesting* dan Bangunan Pintar. Fasiliti hijau ini menjadi medan **pembelajaran berasaskan pengalaman** dan dijadikan sebagai sokongan kepada **Rector's Special Project**. Keberhasilan penglibatan akademia dan pelajar dalam **USR** terbukti memberi manfaat kepada UiTMCP. Ia terbukti pada tahun 2022, program pemindahan ilmu dan **USR** bersama rakan strategik industri telah berjaya menghasilkan pendapatan sebanyak **RM117,650.73**.

### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_K0017\\_HB02\\_20231\\_7.2.2 Tahap.pdf](#)

### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_K0017\\_HB03\\_20232\\_7.2.3 Tren.pdf](#)

### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_K0017\\_HB04\\_20233\\_7.2.4 Perbandingan.pdf](#)

### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_K0017\\_HB05\\_20234\\_7.2.5 Kepentingan.pdf](#)



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Hasil Strategik - Pencapaian Perancangan Strategik yang Kompetitif, Keberkesanan Perancangan Startegik dalam Memacu Kecemerlangan PdP, Ketampakan Universiti dan Kompetensi Global

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kecemerlangan UiTMCP adalah berpandu kepada perancangan dalam pelan strategik universiti. Sejalan dengan kerancakan dan kepesatan teknologi yang diperkukuhkan tuntutan model pendanaan universiti yang baharu, UiTMCP turut merangka strategi untuk mentransformasi UiTMCP ke arah ***Globally Renowned University*** (GRU 2025) melangkaui tahun 2025. Tahun 2022 merupakan tahun ketiga pelaksanaan UiTMCP terhadap Pelan Strategik UiTM2025 yang berpaksikan tiga teras strategik iaitu **Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai**. Perancangan strategik memainkan peranan utama dalam membentuk hala tuju, matlamat, serta tindakan konkrit yang diperlukan untuk memacu kecemerlangan PdP di UiTMCP. Sebanyak 69 PI disasarkan kepada UiTMCP untuk menzahirkan Pelan Strategik UiTM2025. 16 SAP UiTMCP telah dirangka bagi mencapai PI yang diperturunkan dan sekaligus menyumbang aspirasi UiTM- *Globally Renowned University* (GRU 2025) dapat dilaksana dengan lebih fokus dan berkesan. Bagi memastikan seluruh pihak berkepentingan berganding bahu dalam memastikan kecemerlangan UiTMCP sentiasa dilaksana, proses **pemetaan teras strategik, tema strategik, petunjuk prestasi utama dan inisiatif utama** setiap strategi telah diperturunkan dan disejajarkan ke semua peringkat pusat tanggungjawab. Justeru, pelbagai program dan inisiatif telah dijalankan bagi menjayakan SAP terutamanya dalam paksi bidang tumpuan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kejayaan UiTMCP dalam Hasil Perancangan Strategik diterjemahkan dalam tiga tema utama iaitu **(1) Pencapaian Perancangan Strategik yang kompetitif, (2) Kecemerlangan Perancangan Strategik dalam memacu kecemerlangan PdP dan (3) Ketampakan Universiti dan Kompetensi Global**. Hasil keberhasilan pencapaian perancangan strategik diterjemahkan melalui indikator pencapaian **keseluruhan Skor PI i-UiTM** UiTMCP sebanyak **95% melebihi sasaran purata skor 85%** seperti yang telah ditetapkan oleh BTU. Sebanyak **63 (91.3%) daripada 69 PI** yang diperturunkan kepada UiTMCP **mencapai skor 100%**. Petunjuk Prestasi 2022 UiTMCP menampakkan 63 indikator peningkatan prestasi berbanding indikator yang lain. Keberkesanan perancangan strategik dalam memacu kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran ditonjolkan melalui pencapaian 60 PI yang berpaksikan PdP. **60 sasaran** telah dipertanggungjawabkan kepada tujuh PTJ di UiTMCP. BHEA selaku pemegang PI utama berkaitan PdP, telah mencatat pencapaian **97.6% melebihi sasaran 85%**. Bagi pencapaian SAP, **100% telah SAP terlaksana**. Manakala bagi pencapaian OK, daripada 72 OK, 38 OK tercapai, dan 24 OK dalam status berterusan. Prestasi ini menggambarkan kesungguhan UiTMCP dalam melaksanakan perancangan strategik secara efektif. Pencapaian ketampakan universiti dan kompetensi global ditonjolkan melalui kecemerlangan warga UiTMCP dalam memenuhi pelaksanaan PdP berdasarkan empat PI utama tahap global dengan berjaya menjalin **11 perjanjian** bersama rakan kolaborasi industri, UA dan antarabangsa. Pencapaian keseluruhan indikator PI pada tahun 2022 jelas menonjolkan kecemerlangan UiTMCP sehingga mencatatkan prestasi terbaik dengan dinobatkan beberapa anugerah berprestij pada tahun 2022 seperti **Anugerah Kecemerlangan Strategic Action Plan (SAP) 2022, Anugerah Insentif Kecemerlangan Skor i-UiTM 2022 95%, Anugerah Sijil Pencapaian Skor i-UiTM 2022, dan Anugerah Cawangan Paling Cemerlang**.

#### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_K0017\\_HB02\\_20231\\_7.3.2 Tahap.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_K0017\\_HB03\\_20232\\_7.3.3 Tren.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_K0017\\_HB04\\_20233\\_7.3.4 Perbandingan.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_K0017\\_HB05\\_20234\\_7.3.5 Kepentingan.pdf](#)